

DEVIANT : SATU KAJIAN KES LATARBELAKANG  
BANDUAN DAN BANDUANITA

DI PENJARA

SG. JELOK, KAJANG

NAZARIAH BT. MOHD NATHRI

046103

Projek Penyelidikan Latihan Ilmiah

Bagi memenuhi sebahagian dari  
Syarat-syarat untuk

Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian  
(Antropologi dan Sosiologi)

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESSI 1986/87

PENGHARGAAN

Di dalam usaha menghasilkan Latihan Ilmiah ini, berbagai-bagai pihak telah turut terlibat. Dengan ini saya merakamkan setinggi-tinggi rasa penghargaan atas khidmat yang diberikan.

Pertama sekali, jutaan penghargaan saya atas khidmat nasihat serta bimbingan yang telah diberikan oleh Encik Abdul Hadi bin Zakaria yang menyumbangkan tunjuk ajar dari peringkat permulaan sehingga Latihan Ilmiah ini berjaya dihasilkan.

Seterusnya, penghargaan saya kepada Encik Abdul Shukor bin Dikon Pegawai Kaunselor, Penjara Bahagian Dadah (Kajang), yang begitu banyak memberi sumbangan serta kerjasama sepenuhnya.

Tidak dilupakan, ribuan terima kasih buat Saudara Azhar bin Sulaiman yang merupakan pembantu saya di dalam menjalankan kajian ini. Kepada Saudara Shaharin bin Sulaiman dan Saudara Musa bin Hussein, jutaan terima kasih saya atas khidmat yang diberikan.

Juga kepada Tuan Jamaluddin bin Abd. Hamid, Tuan Peter Rogers, Puan Hamidah bte. Hj. Harun serta Pegawai-pegawai Penjara yang lain dan kepada Encik Abdul Hamid Suami Isteri serta keluarga, setinggi-tinggi terima kasih atas kebenaran serta keselesaan yang diberikan selama saya menjalankan kajian di Penjara Sg. Jelok, Kajang.

Akhir sekali, kepada Wan, Bob, Black, Hamid, rakan-rakan dll  
khidmat bantuan yang dicurahkan begitu saya hargai.

NAZARIAH MOHD NATHRI

Jabatan Antropologi Dan Sosiologi,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.

Februari 1987.

## SINOPSIS

Secara ringkasnya, kajian Latihan Ilmiah ini dijalankan adalah untuk mengetahui kesan-kesan latarbelakang kehidupan para individu tertentu di dalam memperaruhi corak perlakuan. Faktor-faktor latarbelakang ini dilihat atau diteliti dari segi latarbelakang keluarga, ekonomi, pendidikan dan persekitaran iaitu kumpulan masyarakat seluruhnya.

Dalam Bab I, diuraikan kepentingan kajian, permasalahan yang ingin dikaji methodologi yang digunakan serta sample-sample para responden yang merupakan kumpulan sasaran bagi pengkaji.

Di dalam Bab 2 pula, diuraikan berkenaan dengan konsep-konsep yang diperlukan di dalam kajian serta dijelaskan tentang teori-teori tertentu sebagai dasar bagi pengkaji di dalam menguraikan permasalahan. Teori-teori tersebut ialah Teori Kawalan oleh Travis Hirschi yang menekankan faktor ikatan sosial di antara individu dan unit-unit sosial serta Teori Anomie oleh Robert K.Merton yang menekan masalah rasa keterasingan individu sebagai faktor pendorong ke arah penyelewengan.

Di dalam Bab 3 seterusnya adalah berkenaan dengan pola-pola penjenayahana di kalangan banduan dan banduanita di tempat kajian iaitu di Penjara Sg.Jelok, Kajang. Penguraian yang dilakukan ialah cuba melihat jenis-jenis kesalahan yang terdapat berkaitan dengan latarbelakang keturunan dan juga jantina serta tahap umur.

Manakala, pada Bab 4 dan 5, ditumpukan perhatian di dalam menganalisaikan data-data yang diperolehi. Di sini akan cuba diteliti bagaimana faktor-faktor latarbelakang yang tersebut mempegaruhi individu tertentu dengan membuat analisa jadual secara perbandingan di antara para persalah dengan masyarakat luar. Di sini juga diteliti sejauh mana kebenaran yang terdapat pada kedua-kedua teori tersebut di dalam mencari penyelesaian atas sebab-sebab individu tertentu terlibat di dalam penyelewengan.

Akhir sekali di dalam Bab 6, merupakan kesimpulan dari kesimpulan dari keseluruhan kajian di mana di sini pengkaji akan menyatakan sejauh mana kebenaran di dalam penyelesaian masalah diperolehi.

Sekian.

## KANDUNGAN

Halaman

Dedikasi	ii
Penghargaan	iii
Sinopsis	v
Kandungan	viii
Senarai Jadual dan Rajah	x

## BAB I : PENDAHULUAN

1.1. Tujuan dan Kepentingan Kajian	1
1.2. Skop atau Bidang Kajian	3
1.3. Methodologi	5
1.3.1. Kaedah Soal Selidik	5
1.4. Responden	8

## BAB II : KONSEP DAN TEORI

2.1. Konsep	12
2.1.1. Jenayah	12
2.1.2. Latarbelakang Keluarga	15
2.1.3. Ekonomi	17
2.1.4. Pendidikan dan Faktor Persekutaran	18
2.2. Teori	21
2.2.1. Kontrol Teori	26
2.2.2. Teori Anomie	
a. Conformity (kesamaan dan persesuaian)	39
b. Innovation (pembaharuan)	39
c. Ritualisme (kelaziman)	39
d. Retreatisme (pengunduran)	40
e. Rebellion (Pemberontakan)	40

BAB III : POLA-POLA JENAYAH DAN PENYELEWENGAN BANDUAN DAN BANDUANITA.	44
3.1. Banduan	44
3.2. Banduanita	53
BAB IV : FAKTOR KESANGGUPAN KEARAH PENYELEWENGAN	
4.1. Ikatan Kekeluargaan	60
4.1.1. Faktor Pepecahan Keluarga	68
4.1.2. Penekanan Disiplin dan Keluarga	73
BAB V : FAKTOR EKONOMI DAN SOSIAL DI DALAM PERLAKUAN JENAYAH.	
5.1. Faktor Sosio-Ekonomi	81
5.2. Faktor Pendidikan	91
5.3. Ikatan Kemasyarakatan	100
BAB VI : KESIMPULAN	110

## BIBLIOGRAPHI

## LAMPIRAN CONTOH BORANG SOAL SELIDIK

NAZA/ss.

<u>Bil. Jadual</u>	<u>Senarai Jadual</u>	<u>Halaman</u>
1.	Populasi Banduan mengikut Keturunan	9
2.	Populasi Banduanita mengikut Keturunan	10
3.	Umur (Banduan)	10
4.	Umur (Banduanita)	11
5.	A typology of Modes of Individual Adoption	42
3.1.(a)	Darihal kesalahan-kesalahan mengenai manusia	44
3.1.(b)	Kesalahan-Kesalahan Seks	46
3.1.(c)	Darihal Kesalahan-Kesalahan terhadap Harta Benda	49
3.1.(d)	Lain-lain Kesalahan Besar Jenayah	50
3.1.(e)	Undang-undang Mencegah Jenayah	52
3.2(a)	Darihal Kesalahan-Kesalahan Mengenai Manusia	54
3.2(b)	Darihal Kesalahan-Kesalahan Terhadap Harta Benda	55
3.2(c)	Lain-lain Kesalahan Besar Jenayah	56
3.2(d)	Undang-undang Mencegah Jenayah	57
3.2(e)	Lain-lain Kesalahan	58
4.1(ai)	Bilangan Adik-beradik (Lelaki)	61
4.1(aii)	Bilangan adik-beradik (Wanita)	62
4.1(bi)	Hubungan Individu dengan ibubapa (L)	64
4.1(bii)	Perhubungan Individu dengan Ibu bapa (W)	66
4.1(ai)	Kematian Ibu bapa (L)	68
4.1(aii)	Kematian Ibu bapa (W)	69
4.1.1(bi)	Perceraian dan Perpisahan Ibu bapa (L)	71
4.1.1(bii)	Perceraian dan Perpisahan Ibu bapa (W)	72

<u>Bil. Jadual</u>	<u>Senarai Jadual</u>	<u>Halaman</u>
4.1.2(ai)	Denda Kesalahan (L)	74
4.1.2(aii)	Denda Kesalahan (W)	75
4.1.2(bi)	Kadar Kebebasan (L)	77
4.1.2(bii)	Kadar Kebebasan (W)	78
5.1(ai)	Karier (L)	81
5.1(aii)	Karier (W)	82
5.1(bi)	Pekerjaan Sebelum dihukum	83
5.1(bii)	Jenis Pekerjaan (L)	84
5.1(biii)	Jenis Pekerjaan (W)	86
5.1(ci)	Pendapatan (L)	87
5.1(cii)	Pendapatan (W)	89
5.2(ai)	Pelajaran	90
5.2(aii)	Tingkat Pelajaran (L)	92
5.2(aiii)	Tingkat Pelajaran (W)	93
5.2(bi)	Aktiviti Ko-Kurikulum (L)	94
5.2(bii)	Aktiviti Ko-Kurikulum (W)	94
5.2(ci)	Sikap Terhadap Pelajaran (L)	96
5.2(cii)	Sikap Terhadap Pelajaran (W)	97
5.2(di)	Agama	98
5.2(dii)	Sikap Terhadap Agama (L)	99
5.2(diii)	Sikap Terhadap Agama (W)	100
5.3(ai)	Ikatan Kemasyarakatan di tempat Asal (L)	102
5.3(aii)	Ikatan Kemasyarakatan di tempat Asal (W)	103
5.3(bi)	Ikatan Kemasyarakatan di tempat Sekarang (L)	104
5.3(bii)	Ikatan Kemasyarakatan di tempat Sekarang (W)	105
5.3(ci)	Peer Groups (L)	107
5.3(cii)	Peer Groups (W )	108

## BAB I

## PENDAHULUAN

1.1. Tujuan dan Kepentingan Kajian: -

Pada umumnya permasalahan yang dikaji adalah bagi menganalisa faktor-faktor penyebab perlakuan devian. Sebagaimana yang diketahui umum, perlakuan devian adalah perlakuan-perlakuan yang dilakukan oleh individu-individu tertentu yang terkeluar dari norma-norma yang telah ditentukan serta diterima oleh budaya di dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu permasalahan yang menjadi tumpuan kajian secara khususnya adalah menganalisa dan meneliti latarbelakang kehidupan para perlaku devian sebelum mereka terlibat di dalam penyelewengan norma-norma sosial ini. Apa yang ingin dikaji serta diketahui adalah kesan-kesan dari latarbelakang kehidupan penyeleweng tersebut sehingga pada akhirnya membawa mereka pada peringkat sanggup untuk melakukan penyelewengan atau dengan lebih jelas adalah mengkaji sebab-sebab kesanggupan individu-individu tertentu melakukan penyelewengan kesan dari latarbelakang kehidupan mereka.

Latarbelakang kehidupan individu tersebut adalah merangkumi aspek-aspek persoalan mengenai faktor latarbelakang kehidupan keluarga, status ekonomi, latarbelakang pendidikan dan pelajaran serta latarbelakang persekitaran kehidupan individu di mana ini termasuklah persekitaran tempat tinggal asal dan persekitaran tempat tinggal kemudiannya yang melibatkan perpindahan individu berkenaan atau persekitaran tempat tinggal di mana individu terlibat dengan aktiviti-aktiviti

penyelewengan.

Latarbelakang persekitaran ini juga melihat perhubungan atau pergaulan individu berkenaan dengan masyarakat sekelilingnya. Jelasnya adalah mengkaji kehidupan sosial individu di luar daripada kelompok kekeluarganya. Disini, apa yang ingin dikaji adalah meneliti kemudahan-kemudahan atau kesempatan-kesempatan yang diperolehi oleh individu untuk meneruskan niatnya kepada perbuatan penyelewengan, iaitu sebagai faktor-faktor pendorong atau penggalak bagi pelaku. Tujuannya adalah untuk melihat peranan ahli masyarakat sekeliling atau pengaruh masyarakat sekitar di dalam proses mensosialisasikan individu tertentu selain daripada unit keluarga sebagai unit terpenting di dalam proses pensosialisasi.

Pengkajian dibuat secara perbandingan diantara dua kumpulan iaitu kumpulan pelaku devian dengan kumpulan bukan pelaku devian. Kajian perbandingan ini adalah berdasarkan pada latarbelakang kehidupan kedua kumpulan, yang berkisar pada persoalan mengapa kumpulan pelaku devian terlibat di dalam penyelewengan sedangkan pihak yang satu lagi tidak tidak terlibat walaupun mempunyai ciri-ciri latarbelakang kehidupan yang sama ataupun hampir sama.

Kepentingan kajian seterusnya, di dalam menjalankan pengkajian ke atas kes-kes pelaku-pelaku devian ini, teori-teori yang di kemukakan oleh para ahli sosiologist barat didalam menghuraikan permasalahan penyelewengan turut diteliti kesanannya. Tumpuan terhadap kepentingan ini ialah untuk mendapatkan satu ketepatan pada teori-teori tersebut

samada teori-teori yang telah dikemukakan oleh para sosiologist barat itu dapat diaplikasi pada masyarakat timur khususnya Masyarakat di Malaysia yang masih merupakan sebuah masyarakat dunia yang sedang membangun berbanding dengan latarbelakang kehidupan masyarakat barat yang serba maju sebagai kelompok tumpuan kajian sosiologist barat.

Empat hipotesis dibina sebagai garis yang menjadi panduan di dalam pengkajian terhadap permasalahan ini :-

- i. Ketidakberkesanahan peranan unit keluarga sebagai unit mensosialisasi individu adalah faktor pendorong penyelewengan.
  - ii. Status ekonomi yang rendah adalah faktor pendorong penyelewengan.
  - iii. Pendidikan atau pembelajaran yang kurang atau tiada langsung adalah faktor pendorong penyelewengan.
  - iv. Hubungan kemasyarakatan yang longgar adalah faktor pendorong penyelewengan.
- 

#### 1.2. Skop atau Bidang Kajian.

Tumpuan di dalam bidang kajian adalah merangkumi soal-soal sikap, nilai serta kehidupan pelaku-pelaku devian dan masyarakat yang tidak terlibat, di mana, ia dikaji dari aspek-aspek sosial, ekonomi dan juga pendidikan dan pembelajaran. Di sini akan ditinjau sejauh mana keberkesanannya kawalan sosial yang terdapat di dalam masyarakat ke atas

pelaku-pelaku devian yang merangkumi soal budaya dan kemasyarakatan sebelumnya.

Selain dari itu, pengkajian turut juga meninjau perkaitan di antara jenis dan corak kehidupan pelaku-pelaku devian serta masyarakat yang tidak terlibat dan melihat sejauh mana norma-norma sosial masyarakat dan undang-undang yang dimeterikan oleh pihak berkuasa mempunyai hubungan yang rapat dengan permasalah yang dikaji, serta cara-cara dan usaha-usaha di dalam mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan oleh para pelaku devian.

Bagi menjayakan pengkajian ini, responden yang dipilih adalah terdiri daripada dua kumpulan iaitu yang pertama merupakan sekumpulan 20 orang lelaki dewasa bukan pelaku devian sebagai kumpulan kawalan untuk dianalisis dengan kumpulan 20 orang banduan lelaki sebagai kumpulan yang hendak dikaji (~~experiment~~ group). Begitu juga bagi pihak wanita dewasa terdiri daripada sekumpulan 20 orang wanita dewasa bukan pelaku devian sebagai kumpulan untuk diperbandingkan dengan sekumpulan 20 orang banduanita sebagai kumpulan eksperimen.

Kedua-dua kumpulan sasaran ini adalah dihadkan kepada golongan yang berada didalam peringkat umur di antara 20 tahun hingga 30 tahun sahaja. Manakala kumpulan-kumpulan banduan pula terdiri daripada pesalah-pesalah jenayah seperti membunuh, mencuri, menipu, pecah rumah dan lain-lain serta juga terlibat dengan dadah, rogol dan peras ugut.

### 1.3. Methodologi.

Methodologi kajian yang digunakan adalah berbagai dengan tujuan untuk mendapatkan data-data yang lebih banyak dan berkesan di dalam mencapai objektif dan tujuan penyelidikan. Maklumat yang ingin dikumpulkan di dalam penyelidikan adalah terdiri dari maklumat tentang biodata-biodata responden yang amat penting bagi mengetahui latarbelakang keluarga responden, juga status ekonomi untuk dilihat perkaitan dengan andaian bahawa semakin rendah status ekonomi seseorang itu semakin ia sanggup untuk melakukan perbuatan devian.

Selain dari itu maklumat penting yang perlu dikumpulkan ialah latarbelakang sosial masyarakat dan persekitaran tempat tinggal responden sebagai satu dari unit mensosialisasi individu. Maklumat penting lain yang perlu dikumpulkan ialah mengenai latarbelakang pendidikan dan pembelajaran sebagai pembina 'self-concept' seseorang individu.

Bagi mendapatkan segala maklumat di atas, kaedah yang pelbagai adalah paling wajar di lakukan untuk dapatkan pengumpulan maklumat yang lebih relevan dan tepat.

#### 1.3.1. Kaedah Soal-selidik.

Penggunaan soal-selidik secara close ended dan juga open ended diberikan kepada kedua-dua belah pihak kumpulan sasaran yang dikaji. Kaedah soal selidik tersebut dikemukakan kepada para responden adalah secara temubual tidak formal terutamanya dilakukan terhadap para banduan. Ini adalah penting untuk mengujudkan satu hubungan yang lebih berdorak tidak formal bagi menghindarkan ciri-ciri perbezaan status di antara

pengkaji dengan banduan. Ini perlu bagi mengujudkan hubungan yang lebih rapat di antara pengkaji dan banduan agar tiada perasaan rendah diri atau hina yang mungkin timbul daripada pihak banduan. Dengan ini lebih memudahkan para banduan menjawab soalan-soalan dan dengan rela hati menceritakan latarbelakang kehidupan mereka serta permasalahan yang mereka hadapi.

Soal-selidik yang dikemukakan lebih banyak mengutamakan soalan-soalan bercorak 'open-ended' bagi memberi kemudahan dan kebebasan kepada responden untuk menjelaskan pendapat atau keadaan dirinya. Pendapat atau keadaan dirinya. Pendapat atau pandangan seseorang responden adalah amat penting di dalam proses memperolehi maklumat tentang latarbelakang kehidupan mereka yang lebih merupakan 'self-refront' yang amat berguna sebagaimana menurut kata Sellitz, 'In the interview and questionnaire approach, heavy reliance is placed on the subject's verbal report for information about the stimuli or experience to which he is exposed and for knowledge of his behavior, ...' (Sellitz, C. dll.; 1959 : 236)

Persepsi, kepercayaan, perasaan, motivasi, antisipasi atau penerangan masa depan seseorang itu boleh didapati dengan lebih berkesan melalui teknik soal-selidik terbuka (open-ended questionnaire). Selalunya mereka tidak memberi maklumat tentang perlakuan-perlakuan yang lalu serta perlakuan peribadi seperti tindak-tanduk seksual atau mimpi, di mana, sama ada ia tidak dapat dilakukan atau mustahil untuk diperhatikan, dengan adanya sifat dasar mereka ini. Jadi untuk memperolehi segala maklumat diatas, teknik secara interview, soal-selidik dan kaedah yang berancang dicipta serta digunakan.

Dalam menggunakan teknik soal-selidik, maklumat yang diperolehi oleh seorang pengkaji adalah terhad pada kebiasaananya, kepada apa yang tertulis sebagai response terhadap soalan-soalan yang sebelumnya telah disusun. Tetapi di dalam penggunaan teknik temubual, selagi penemubual masih ada peluang besar untuk mencungkil atau menarik seberapa banyak peluang baik untuk memerhati kedua-dua subjek dan keseluruhan keadaan di mana ia memberi tumpuan dan perhatian.

Walaubagaimanapun, dalam penggunaan teknik soal-selidik ini terdapat juga kebaikannya sebagaimana pendapat Sellitz yang mengatakan bahawa,

'.... respondent may have greater confidence in their anonymity and thus feel freer to express view they fear might be disapproved of or might get them into trouble' (Sellitz C.; dll; 1959 : 238)

Tetapi, jika dibandingkan pula dengan teknik temubual, Sellitz lebih menekankan bahawa teknik ini lebih memberi faedah dan kebaikan di dalam memperolehi maklumat di mana pendapat beliau ini boleh dirumuskan kepada 4 kebaikan yang diperolehi dari teknik temubual iaitu :-

1. illiterate;
2. interviews can be used with almost all segments of the population;
3. Many people are willing and able to cooperate in a study when all they have to do is talk;
4. its greater flexibility. (Sellitz, C. dll; 1959 : 238)

Dengan ini, bagi menambahkan keberkesanan untuk mendapatkan sebanyak-banyak mungkin maklumat di dalam menjalani pengkajian adalah lebih berfaedah dan ilmiah menggunakan kedua-dua teknik memperolehi maklumat iaitu secara soal-selidik dan juga temubual. Jadi pada keseluruhannya adalah

wajar bagi seseorang pengkaji itu mengguna berbagai-bagai maklumat pula.

#### 1.4. Respondan.

Respondan adalah terdiri daripada 20 orang banduan lelaki dari pelbagai kategori jenayah yang dilakukan sebagai kumpulan eksperimen di mana kumpulan ini akan diperbandingkan latarbelakang kehidupannya dengan 20 orang lelaki dewasa terdiri daripada masyarakat luar yang tidak terlibat dengan penjenayah dan devian sebagai kumpulan kawalan.

Manakala 20 orang banduan wanita dari pelbagai kategori jenayah dan perlakuan devian sebagai kumpulan eksperimen di kaji latarbelakangnya secara perbandingan dengan latarbelakang kehidupan bagi 20 orang wanita terdiri daripada masyarakat luar yang tidak terlibat dengan jenayah atau pun perlakuan devian.

Kumpulan-kumpulan sasaran ini adalah diambil daripada golongan yang berada di dalam lingkungan peringkat umur di antara 20 tahun ke 30 tahun.

Sample respondan adalah diambil daripada banduan dan banduanita di Penjara Sungai Jelok, Kajang, yang meliputi populasi keseluruhan banduan di mana penjara ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu :-

- i. Penjara Utama
- ii. Penjara Dadah
- iii. Penjara Pra-bebas
- iv. Penjara Wanita

Populasi keseluruhan banduan adalah seperti jadual di bawah yang berdasarkan keturunan. Sample ini diambil dari statistik penyata bulanan banduan bagi bulan Julai, 1986. Pembahagian dari segi latarbelakang keturunan ini adalah berdasarkan kepada bangsa-bangsa yang terdapat di Malaysia iaitu bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain warganegara Malaysia termasuklah Serani, Sikh, Malaysia Thai dll., juga warganegara asing.

Jadual 1 Populasi Banduan mengikut keturunan.

Keturunan	Bilangan	Peratusan %
Melayu	1434	46.78
China	995	32.46
India	566	18.47
L. W/N. M'sia	67	2.19
W/N. Asing	3	0.10
<b>JUMLAH</b>	<b>3065</b>	<b>100.00</b>

(10)

Jadual 2. Populasi Banduanita mengikut Keturunan.

Keturunan	*Convicted	*Non Convicted	Jumlah	Peratus
Melayu	66	44	110	33.8
China	43	40	83	25.5
India	19	10	29	8.9
W/N. Asing	61	42	103	31.8
JUMLAH :	189	136	325	100.00

Jadual 3.

Umur (Banduan)

Bangsa	Lingkungan Umur						JUMLAH
	17-20 T.	21-25	26-30	31-40	41-60		
M	8	41	74	41	7		171
C	9	28	45	33	10		125
I	3	19	28	29	2		81
L	-	3	5	3	-		111
JUMLAH	20	91	152	106	19		388

Latarbelakang dari segi umur dan keturunan ini adalah diambil dari sample banduan bagi kemasukan bulan Julai, 1986 yang berjumlah seramai 388 orang semua bagi pihak banduan dan 89 orang bagi pihak banduanita.

(11)

Note - \* Convicted - Semua banduan yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.

\* Non Convicted - Semua banduan yang tidak atau belum dijatuhkan hukuman oleh mahkamah iaitu banduan Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT), Tahanan Mahkamah Syariah (TMS), Tahanan Mahkamah Rendah (TMR), Tahanan Imigresen, Tahanan W.A.D. , POPOC.

Jadual 4.

Umur (Banduanita).

Lingkungan Umur	Bangsa				JUMLAH
	M	C	I	*L	
17-20 Thn.		1		15	16
21-25 Thn.	17	1	1	19	38
26-30 Thn.	2	2	3	2	12
31-40 Thn.	6	1	3	2	12
41-60 Thn.			2	3	5
Lebih 60 Thn.		1			1
JUMLAH :	25	6	7	51	89

Note :- \*L - Warganegara asing.

## BAB 2

KONSEP DAN TEORI2.1 KONSEP

## 2.1.1 Jenayah.

Di dalam menghuraikan pengertian jenayah secara tepat, masih terdapat berbagai-bagai pandangan yang berbeza daripada beberapa pengkaji mengikut aliran masing-masing termasuklah Karl Marx, Max Weber dan Emile Durkheim yang merupakan ahli teori sosiologi yang terulung.

Menurut Nannette J. Davis, jenayah adalah satu nilai di antara individu yang terlibat dengan norma-norma sosial yang telah ditentukan oleh masyarakat di mana ia sebagai salah seorang daripada ahli kumpulan masyarakat tersebut.

Jenayah pada amnya adalah melanggar satu bentuk tertentu di dalam norma undang-undang. Seperti mana menurut Clinard dan Meier;

"Sociologically, a crime is any act that is considered socially injurious and that is punished by the state, regardless of the type of punished".

(Clinard M.B., Meier R.F.; 1979 : 97 - 98)

Criminologist sering membezakan di antara jenayah undang-undang umum (conventional or street crimes), jenayah kolar-putih dan pelanggaran atau penyelewengan remaja. Penjenayah terhadap undang-undang umum adalah pelanggaran atau kesalahan yang sebenarnya setiap individu melihat atau mengertikannya sebagai satu jenayah, seperti kesalahan bagi pembunuhan,

perompak, samun, perogol atau **rampasan** dan serangan. Para peguam merujuk kes ini sebagai 'mala in se' iaitu satu kejahatan yang timbul daripada diri sendiri. Seterusnya Clinard dan Meier memisahkan pengertian di antara jenayah koventional atau jenayah undang-undang umum dengan jenayah kolar-putih atau lebih tepat lagi adalah jenayah di kalangan pegawai-pegawai atau pekerja atasan. Penjenayah jenis ini amat jarang menerima hukuman undang-undang jenayah disebabkan oleh status dan kekuasaan mereka. Kumpulan ini termasuklah para bisnesses, pekerja, ahli politik pekerja kerajaan, para doktor mahupun peguam sendiri di mana penjenayahannya di kalangan mereka ini berkaitan dengan pekerjaan masing-masing.

Selain dari itu, penjenayahahan ini juga termasuklah penjenayahahan oleh organisasi-organisasi besar seperti kumpulan koperasi dan kesatuan-kesatuan sekerja. Kesemuanya ini dikatakan sebagai penjenayahahan berdasarkan pengertian jenayah yang luas iaitu :-

"... any act punishable by the state regardless whether the penalty is a criminal one or administrative or civil in nature".

(Clinard M.B., Meier R.F.; 1979 : 99)

Pelanggaran atau penyelewengan remaja tidak disebut atau dikatakan sebagai jenayah tetapi sebaliknya dirujukkan sebagai 'delinquent' berdasarkan pada golongan yang berumur di bawah 18 tahun. Walaubagaimana pun, ini tidak terdapat perbezaan dari semua aspek di antara 'juvenile delinquency' dengan penjenayah dewasa, kerana perbezaannya adalah hanya dari segi umur sahaja.

Tetapi terdapat beberapa jenis penyelewengan yang hanya dilakukan di kalangan para remaja sahaja iaitu seperti lari dari rumah, tidak selesa atau senang berada di rumah atau ponteng dan lari dari sekolah. Pelanggaran ini dipanggil sebagai "status offenses" di mana ia bermaksud berdasarkan pada pelanggaran yang hanya disebabkan oleh taraf umur individu di dalam penyelewengan tersebut.

Perkataan jenayah pada hakikatnya tidak merujuk pada kumpulan yang homogenis, tetapi ia lebih merujuk kepada pengertian jenis-jenis jenayah, kerana perbezaan adalah lebih jelas terdapat di antara kelainan jenis-jenis jenayah dari di antara penjenayah dan bukan penjenayah itu sendiri.

Edwin H. Sutherland di dalam pengkajian terhadap pengertian jenayah, menyatakan bahawa walaupun perlakuan jenayah merupakan ekspresi terhadap keperluan asas manusia dan nilai-nilai, tetapi ia tidak diterangkan atau dijelaskan melalui keperluan-keperluan asas dan nilai-nilai tersebut, kerana perlakuan yang bukan jenayah atau devian juga merupakan satu ekspresi terhadap keperluan-keperluan asas dan nilai-nilai yang sama.

Jadi Sutherland menyatakan, pergaulan atau perhubungan dengan perkumpulan devian tertentu serta mempelajari teknik-teknik melakukan jenayah, media massa serta desakan keperluan-keperluan asas seperti ekonomi, status atau kemewahan merupakan faktor penyebab dan pencepat mendorong seseorang melakukan penyelewengan.

Seterusnya, dalam memahami permasalahan perlakuan jenayah atau penyelewengan, faktor-faktor latarbelakang individu terlibat perlu diteliti untuk melihat sejauh mana faktor latarbelakang ini merupakan penyebab utama terdorongnya seseorang individu untuk melakukan penyelewengan. Faktor-faktor latarbelakang tersebut dilihat dari segi latarbelakang keluarga, ekonomi, pendidikan dan kemasyarakatan.

#### 2.1.2 Latarbelakang Keluarga.

Di dalam pembinaan sikap dan peribadi seseorang, peranan keluarga amat diutamakan sebagai institusi pertama membentuk seseorang. Ini dijalankan di dalam proses sosialisasi, mendidik individu dalam pembinaan pengukuhan moral peribadi. Seperti yang dinyatakan oleh Clinard bahawa;

"Training of the child in matters of moral conduct, hygiene, home economics, manners and skill used to be done mainly in the family household".

(Clinard M.B.; 1968 : 531-532)

Penjalinan peranan di dalam keluarga iaitu perlakuan ahli-ahli keluarga memberi kesan kepada anggota keluarga yang lain. Perhatian berat ahli-ahli keluarga penting sebagai pengawalan individu dari terlibat dalam penyelewengan. Konflik keluarga boleh menyebabkan individu terlibat di dalam penyelewengan. Ketidakpuasan hati bagi individu terhadap penyusunan dan keteguhan kerukunan rumah tangga boleh mengakibatkan seseorang itu seolah-olah memberontak dan cuba lari dari hakikat sebenar keluarganya dengan menganggotai kumpulan-kumpulan yang seakan-akan senasib dengannya, dengan melakukan perkara-perkara penyelewengan.

Ketidakpuasan ini termasuklah sama ada sengketa di antara ibu dan bapa atau ahli di dalam keluarga atau cara didikan serta asuhan ibu bapa yang keras, diskriminasi di kalangan ahli keluarga juga keadaan ekonomi rumah tangga yang rendah dan sebagainya. Ini menyebabkan individu terlibat merasai atau mengalami penyisihan atau keterasingan dan rendah diri terhadap keluarganya sendiri juga masyarakat sekelilingnya. Sepertimana yang difahamkan oleh Clinard dan Meier dengan menyebut bahawa;

"Child rearing patterns have been shown to differ from one social class to another. Lower class parents for example, tend to use physical punishment more often as a disciplinary measure than do middle-class parents although not as much as some expect".

(Clinard M.B., Meier R.F.; 1985 : 10)

Ramai pengkaji yang berpendapat bahawa golongan terbesar yang terlibat dengan penyelewengan terutama penyelewengan bercorak jenayah koventional adalah datangnya daripada individu yang tergolong di dalam kelas bawahan. Seterusnya para pengkaji juga berpendapat dan tidak menafikan bahawa pengaruh ketidakpuasan di dalam keluarga merupakan faktor utama ke arah berlakunya perlakuan-perlakuan yang menyeleweng. Masalah di dalam keluarga ini lebih merupakan pepecahan atau kerenggangan hubungan di antara ahli keluarga yang disebabkan oleh pelbagai faktor lain juga seperti berlakunya penceraian antara ibu bapa, pelarian (desertion), perpisahan dan lain-lain.

2.1.3 Ekonomi.

Permasalahan di dalam keluarga juga dapat, serta boleh dikaitkan dengan permasalahan dari segi ekonomi. Ramai pengkaji yang menyatakan bahawa kebanyakan para pelanggar norma-norma sosial dan undang-undang datangnya daripada individu-individu yang mempunyai keluarga tergolong dalam kelas bawahan. Individu ini hidup di dalam keadaan tertekan akibat dari tekanan kos hidup yang tinggi kesan dari ekonomi yang rendah.

Sikap ibu bapa daripada golongan atau kelas bawahan ini juga menjadi satu sebab kepada individu terdorong ke arah penyelewengan. Tekanan ibu bapa di dalam usaha untuk memenuhi keperluan keluarga adalah satu faktor penyebab kepada tekanan emosi, dan pelepasan pada tekanan ini dilakukan terhadap anak-anak atau remaja yang nakal dengan mengenakan denda atau hukuman secara kekerasan. Ini boleh menyebabkan individu terlibat tersebut memberontak dengan bertindak melakukan penyelewengan.

Sebagaimana pendapat Clinard dan Meier yang menyatakan bahawa kebanyakan dan sebahagian besar dari jenis jenayah seperti pembunuhan, penyerangan, rogol serta penyelewengan ke arah penggunaan dadah adalah dilakukan oleh individu daripada kelas bawahan dan ini merupakan suatu keadaan yang telah sedia ujud di dalam kelas bawahan yang disebutkan sebagai "Subculture of violence".

Seterusnya di dalam menghuraikan faktor-faktor ekonomi sebagai salah satu faktor pendorong ke arah penyelewengan, Clinard dan Meier

menekankan lagi;

"Finally, remember that even when norms of any given family are discussed, probably the discussion is actually of the social class occupational groups or some specific subcultural group to which the family happens to belong".

(Clinard M.B., Meier R.F.; 1985 : 10)

Masalah dari segi ekonomi ini adalah begitu luas di mana pengertiannya adalah terlalu rumit untuk diuraikan. Pengukuran kemiskinan adalah sukar untuk ditarifkan kerana kemiskinan adalah diukur secara relatif dan terdapat pula kemiskinan secara mutlak. Penglibatan individu di dalam masalah ini juga terlalu besar bilangannya. Golongan ini termasuklah para penganggur yang paling utamanya, di mana di Britain diujudkan pembayaran elaun bagi para penganggur di dalam jumlah tertentu mengikut status individu pada setiap minggu dengan tujuan utama adalah untuk mengurangkan tingkat dan jumlah penjenayahuan yang berlaku di negara tersebut dan seterusnya menghapuskan.

#### 2.1.4 Pendidikan dan Faktor Persekutaran.

Pendidikan ini mempunyai pengertian yang kompleks. Ia boleh diertikan kepada dua pengertian iaitu pendidikan secara formal dan pendidikan secara tidak formal (informal). Akibat dari perubahan peranan keluarga di dalam pendidikan dengan ujudnya institusi-institusi seperti sekolah maka ujud pendidikan secara formal di mana para guru telah mengambil-alih sebahagian besar tugas ibu bapa dan keluarga di dalam menyalurkan pengetahuan, di mana pengetahuan ini lebih berbentuk sekular.

Walaubagaimana pun apa yang ingin ditekankan dari segi pendidikan ini lebih kepada pendidikan secara informal yang lebih mengrangkumi aspek-aspek keagamaan dan nilai-nilai moral yang merupakan satu elemen yang utama di dalam peneguhan pendirian peribadi seseorang, iaitu sebagai satu daya pertahankan diri dari terlibat ke arah penyelewengan.

Pendidikan atau lebih tepatnya pengetahuan ini diperolehi terutamanya di dalam proses mensosialisasikan individu oleh keluarga, di mana peranan ini kini terlalu kurang dan semakin terhapus keujudannya di dalam perhubungan kekeluargaan. Di dalam proses ini individu diperkenalkan akan siapa dirinya, keluarganya serta masyarakat sekelilingnya dan bagaimana ia harus bertindak menurut apa yang dikehendaki atau diterima oleh anggota keluarga dan masyarakat sekelilingnya itu, serta apakah akibat-akibat yang bakal diterima olehnya jika ia melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat serta keluarganya.

Walaubagaimana pun, di dalam proses pembesaran dan sosialisasi ini, kita akan dapati dua keadaan yang berbeza berlaku pada individu tersebut, sama ada ia akan menerima apa yang dipelajarinya itu secara positif atau pun secara negatif. Seandainya ia menerima secara positif bermakna ia akan cuba untuk berkelakuan yang selari atau menurut pandangan masyarakat agar tidak lari dari norma-norma yang telah ditentukan. Tetapi seandainya ia tidak dapat menerima apa yang telah ditetapkan oleh masyarakatnya akibat dari pengaruh-pengaruh negatif pembangunan dan pemodenan juga nilai-nilai moral yang bercanggah seperti kemasukan budaya kuning, individu tersebut akan memberontak dan tidak lagi mempedulikan

sama ada perlakuan sesuai atau selari dengan kehendak-kehendaknya masyarakat serta keluarga.

Di sini kesimpulannya, kita akan melihat sama ada ikatan individu tersebut dengan masyarakatnya longgar atau kuat. Jika ikatan tersebut adalah kuat di mana rasa kekitaan begitu teguh di dalam pendirian seseorang, maka besar kemungkinan individu itu tidak terlibat dengan penyelewengan. Sekiranya ikatan adalah longgar atau tiada langsung maka tidak mustahil bagi individu tersebut untuk melakukan penyelewengan.

Ikatan ini merupakan satu hubungan timbal-balik di antara masyarakat dan individu di mana ianya dijalinkan dengan adanya konsep hubungan kejiranan yang utuh serta pereratan melalui hubungan kerjasama seperti konsep gotong royong, tolong-menolong dan sebagainya, yang kini semakin longgar dan berkurangan akibat adanya atau berlakunya urbanisasi yang menularkan sikap individualistik dan materialistik.

Walaubagaimana pun keadaan sebaliknya pula berlaku, di mana pergaulan dengan anggota masyarakat di luar dari kelompok keluarga juga boleh membawa seseorang ke arah penyelewengan. Anggota-anggota masyarakat tertentu memungkinkan pembawaan unsur-unsur negatif ke dalam pemikiran seseorang terutamanya di dalam keadaan dunia sekarang yang lebih mengutamakan kemewahan dan wang ringgit. Akibat dari perlumbaan mengejar kemewahan ini individu yang tidak mampu memperolehinya besar kemungkinan akan cuba memperolehinya melalui jalan negatif, kemungkinan yang lebih tinggi lagi mungkin mempengaruhi seseorang itu jika ia tidak mempunyai

peneguhan nilai-nilai moral di dalam dirinya.

Melalui pergaulan dan perhubungan juga seseorang yang telah mempunyai niat untuk menyeleweng meneruskan niatnya kepada perbuatan sekiranya ia bergaul dan menganggotai kumpulan-kumpulan penyeleweng. di dalam pergaulan dengan kumpulan-kumpulan tertentu, individu tersebut akan mempelajari teknik-teknik tertentu untuk melakukan tindakan yang menyeleweng seperti mana yang ditekankan oleh Sutherland bahawa perlakuan jenayah itu adalah dipelajari bukan diwarisi.

Di sini kita dapati bahawa kesemua faktor-faktor latarbelakang kehidupan seseorang individu itu adalah saling berkaitan di dalam proses pemilihan seseorang terhadap dua pilihan iaitu sama ada akan meneruskan niatnya untuk menyeleweng atau tidak meneruskan niatnya, sebagai sebab-sebab pendorong yang utama.

## 2.2 TEORI

Di dalam membincangkan berkenaan dengan teori yang berkaitan dengan penyelewengan, kita sering diketemukan dengan pengkaji-pengkaji yang terkemuka dan kritis, yang mengemukakan berbagai-bagai teori mengikut pendapat masing-masing, di dalam menghuraikan sebab-sebab berlakunya permasalahan penyelewengan. Para ahli teori tersebut antaranya termasuk Sellin (1938), Cohen (1955), Cloward dan Ohlin (1960), Rebert Merton (1969), David Matza (1964) serta lain-lain. Berbagai-bagai pendekatan pula yang digunakan di dalam mengemukakan teori-teori mereka sama ada pendekatan secara biological dan psikological juga digunakan pendekatan secara

secara sosiological, atau dengan lain perkataan pengkajian terhadap perlakuan penyelewengan ini telah membentuk dua pendekatan teori iaitu Individualistic theories dan Sociological theories.

Walaubagaimana pun apa yang ingin ditekankan kali ini adalah terhadap sociological theories. Sociological theories ini terbahagi pula kepada beberapa subteori, di mana ianya termasuklah dua perspektif yang lebih awal iaitu Social Pathology dan Social Disorganisation.

Social Pathology adalah satu percubaan untuk mengapplikasi biological moden terhadap set-set sosial, dan para pathologist pula menganggap bahawa masalah-masalah sosial pada dasarnya adalah satu pelanggaran terhadap moral expectations. Oleh itu para sosial pathologist membuat pengkajian dari dua perspektif iaitu pertamanya, terhadap penyakit atau wabak tertentu di dalam society (masyarakat), dan keduanya terdapat pula individu yang dijangkiti penyakit tersebut. Social Pathologist ini berkembang dan amat terkenal pada penghujung abad ke sembilanbelas sehingga pada tahun-tahun 1930an.

Teori-teori Social Disorganization pula berkembang pada tahun-tahun 1930an setelah perang Dunia I, di mana terdapat pertambahan migrasi, urbanisasi serta industrialisasi di Amerika Syarikat. Pada dasarnya konsep Disorganization ini membangun dan tumbuh pada kira-kira tahun 1920 yang dipelopori oleh Thomas dan Znaniecki juga Cooley, di mana ia timbul bersama-sama dengan tertubuhnya Chicago School of Sociology kerana kebanyakan ahli-ahlinya datang dari University of Chicago.

Jika sosial Pathology lebih banyak meminjam dari disiplin-disiplin yang telah ditetapkan iaitu biology dan perubatan, dan kaedahnya pula philosophical dari saintifik, tetapi bagi social Disorganization pula berdasarkan atau memusatkan masalah-masalah di dalam norma-norma sosial dan aktiviti-aktiviti komuniti. Dan dari segi method, ianya lebih saintifik dari bercorak philosophical, serta lebih menekan theoretical development dari social action.

Teori sezaman ini di dalam teori sosiological peringkat kedua di dalam perkembangan teori-teori sociological, boleh dibahagikan kepada dua corak atau perspektif utama iaitu :-

- i) Structural.
- ii) Processual.

Structural teori ini menekankan bahawa perlakuan devian adalah bersangkutan dengan keadaan struktur sosial tertentu di dalam masyarakat. Manakala Processual theories pula lebih menerangkan tentang proses-proses di mana individu-individu terlibat dengan perlakuan devian.

Structural theory lebih mementingkan penerangan atau penguraian epidemiology of deviance yakni pembahagian devian di dalam masa dan ruang. Processual theory pula adalah pendekatan secara etiology iaitu sebab-sebab khusus perlakuan devian. Satu lagi perbezaan yang terdapat di antara Structural theory dengan Processual theory ialah structural theory sering cuba untuk menerangkan mengapa corak perlakuan devian tertentu sahaja yang lebih banyak terdapat di dalam masyarakat kelas bawahan, dan Processual theory cuba pula menerangkan mengapa hanya individu tertentu sahaja yang

terlibat dengan perlakuan devian. Dengan sebab-sebab di atas ini, maka Structural theory lebih dikenali sebagai Sociological theory dan Processual theory lebih dikenali sebagai Psychological theory.

Processual theories terbahagi kepada 2 subteorinya yang penting dan terkenal sekali iaitu :

- i) Labeling.
- ii) Socialization.

Labeling theory yang juga sebagai interactionist approach mengutamakan interaksi antara para pelaku devian dengan masyarakat yang koventional, khasnya dengan wakil masyarakat sebagai ajen rasmi seperti penguatkuasa undang-undang bagi kawalan sosial dan akibat-akibat bagi individu yang telah dilebelkan sebagai devian. Pada dasarnya konsep utama perspektif teori ini adalah berdasarkan pada tulisan Lemert (1950an), di mana ahli-ahli sociologi yang tergolong di dalam pemahaman teori ini dilihat pada kesamaan idea-idea termasuklah George Herbert, Frank Tannenbaum dan Alfred Schütz serta pendokongnya seperti Howard Becker, Harold Garfinkel, Erwing Goffman, Thomas Scheff, Kai Erikson, John Kitsuse, Edwin Schur dan lain-lain lagi. Pada keseluruhannya terdapat dua komponen atau bahagian utama di dalam perspektif labelling theory iaitu ;

"... a particular conception or definition of deviance (the reactivist conception) and a concern about the consequences of social control efforts (the theory secondary deviation)".

(Clinard M.B., Meier R.F.; 1985 : 78)

Socialisation Theory atau Teori Sosialisasi terkenal dengan konsep teorinya yang dibentuk oleh Edwin H. Sutherland iaitu Differential Association Theory. Perspektif yang terbina oleh Sutherland di dalam teori ini merangkumi kedua-dua aspek etiology atau sebab-sebab individu melakukan penyelewengan dan juga aspek epidemiology atau pembahagian devian dalam kadar-kadar variasinya. Pada hakikatnya, usul di dalam teori Sutherland ini adalah untuk diapplykan keatas kajian terhadap jenayah, tetapi ianya telah diubahsuai agar dapat diapplykan keatas lain-lain perlakuan penyelewengan seperti pelacuran, penagihan dadah, ketagih arak, dan lain-lainnya.

Structural Theory merupakan teori yang menjadi tumpuan untuk diapplykan di dalam pengkajian kali ini. Dua subteori yang digabungkan untuk menghuraikan pemasalahan kajian kali ini iaitu dua subteori penting di dalam Structural Theory ini iaitu :-

- i) Control Theory
- ii) Anomie

Control Theory dan Anomie dua subteori yang digabungkan ini, menerangkan bagaimana individu-individu terlibat di dalam proses kemasyarakatan serta menyesuaikan diri mereka menurut norma-norma yang telah ditentukan masyarakat. Cara-cara atau proses penyesuaian diri individu atau cara-cara penglibatan individu di dalam proses kemasyarakatan ini diterangkan di dalam menghuraikan Teori Control atau Teori Kawalan di mana Teori Kawalan ini lebih menekankan ikatan yang terjalin di antara individu dengan masyarakat yang amat diutamakan. Jika ikatan ini longgar

atau tiada langsung akan lebih memudahkan atau mendorong individu tertentu terlibat di dalam penyelewengan. Ini adalah akibat dari suatu perasaan keterasingan atau alienasi yang disebabkan oleh kegagalan individu mencapai matlamat atau 'goal' yang telah ditentukan serta ditetapkan oleh masyarakat akan cara-cara untuk memperolehi dan mencapai matlamat tersebut. Konsep keterasingan atau alienasi ini diterangkan di dalam menghuraikan teori Anomie.

Dengan lain perkataan, di dalam Teori Kawalan diterangkan bagaimana individu menjalinkan perhubungan dan membentuk serta mengukuhkan ikatan dengan masyarakatnya melalui cara-cara tertentu. Melalui cara-cara ini individu lebih terikat dengan masyarakat serta menghormati dan memberi perhatian berat pada kehendak-kehendak masyarakatnya. Ini menyebabkan ia cuba menjauhkan diri dari melakukan penyelewengan kerana tidak mahu dikenakan 'social sanction' oleh masyarakatnya manakala di dalam Teori Anomie pula diterangkan bagaimana individu yang gagal mencapai 'goals' atau matlamat yang telah ditetapkan masyarakat melalui cara-cara tertentu, telah cuba menggunakan cara-cara lain yang menyongsang dari yang telah ditentukan oleh masyarakat bagi mencapai 'goals' tersebut, iaitu secara penyelewengan akibat daripada timbul perasaan keterasingan atau alienasi.

#### 2.2.1 Control Theory.

Control Theory atau Teori Kawalan oleh Travis Hirschi ini pada amnya menekankan tentang social diorganisation. Teori Kawalan ini memberi satu penekanan yang relatif terhadap proses-proses penyebab berlakunya penyelewengan. Teori ini meneliti cara-cara atau proses sosialisasi oleh masyarakat di dalam mengenakan kawalan terhadap anggotanya, yang merupakan

penekanan asas bagi ahli-ahli Teori Kawalan. Jadi apa yang dipentingkan di sini adalah peranan masyarakat di dalam menjalankan proses mensosialisasikan anggotanya dengan mengadakan norma-norma serta social stigma atau social sanction tertentu terhadap setiap perlakuan individu yang menjadi anggotanya.

Ini menjadi satu ikatan yang kuat bagi individu tersebut dengan masyarakatnya, yang menyebabkan dua kemungkinan berlaku iaitu pertamanya jika ikatan antara individu dengan masyarakatnya secara koventional order adalah kuat maka agak sukar baginya untuk terlibat dengan penyelewengan kerana perhatian dan tumpuannya terhadap apa yang dilakukan adalah berasaskan pada apa yang diterima dan dihargai oleh masyarakat dan keduanya jika ikatan tersebut adalah longgar besar kemungkinan individu tersebut lebih terdorong untuk melakukan penyelewengan yang dibantu oleh faktor-faktor pendorong penyelewengan.

Mengalami 'faulty self images' menyebabkan individu itu terlibat dengan jenayah di mana menurut Gibbons kebanyakannya penjenayah adalah terdiri dari individu yang mengalami

'low self esteem, a negative sense of self or insensitivity' serta 'lack a concern for the opinion of others'

(Gibbon D.C.; 1981 : 84)

Jadi di sinilah pentingnya keupayaan masyarakat di dalam memainkan peranannya 'to effect social control' di dalam mengawal dan mensosialisasikan anggotanya. Walaubagaimana pun ikatan-ikatan social

serta peraturan konventional yang diinstitusikan oleh masyarakat, ini juga boleh menyebabkan individu yang tidak setuju dengan ikatan tersebut merasa tertekan dan jika ianya terus tidak dapat menerima ikatan tersebut besar kemungkinan ia akan memberontak secara melakukan penyelewengan dari norma-norma sosial. Ini adalah satu perkara yang tidak mustahil berlaku pada masyarakat kini yang lebih agresif di dalam mengalami perubahan-perubahan sosial.

Terdapat dua tokoh penting yang patut disentuh di dalam membicarakan berkenaan dengan Teori Kawalan ini. Kedua-dua tokoh tersebut adalah Travis Hirshi (1969) dan Johnson (1979). Hirsch merupakan pelopor Teori Kawalan di mana beliau telah menyatukan idea-idea penting di dalam membentuk teori ini. Manakala Johnson pula merupakan pengkaji yang telah menggunakan teori ini di dalam kajiannya yang paling sofistikated waktu ini.

Menurut Steven Box, Teori Kawalan ini adalah penting bagi menerangkan atau menghuraikan masalah 'primary deviation' di kalangan para remaja. Apa yang dimaksudkan oleh Box sebagai primary deviation adalah merupakan individu yang,

- a) deviates episodically and frequently,
- b) does so without much organisation or sophistication,
- c) does not view his/herself as deviant, and
- d) is not view as essentially deviant by the relevant authorities.

(Box, S; 1971 : 121)

Walaubagaimana pun adalah satu kenyataan bahawa terdapat peraturan yang kecil para remaja terjerumus ke peringkat secondary deviants lebih awal di dalam hidup mereka, dan lainnya akan terlibat di dalam perlakuan delikuensi seluruhnya atas sebab-sebab masalah emosional dan juga sebab-sebab lain yang amat kompleks dan sejumlah besar dari juvenile delinquency terdiri daripada 'instrumental acts of primary deviation' dan ini adalah satu keadaan di mana teori control perlu selidiki.

Ramai pengkaji berpendapat bahawa individu tidaklah bebas untuk melanggar undang-undang melainkan terdapat sesuatu dorongan kuat bagi menggalakan individu kearah tersebut, seperti faktor relative deprivation, status problems, alienation, neutralisation atau pun subcultural socialisation.

Satu persoalan yang sering timbul dan meragukan kita mengapa individu bebas untuk melanggar undang-undang dan sanggup menerima social stigma, dan mengapa pula terdapat individu yang tidak sanggup untuk melakukan penyelewengan, sebaliknya mematuhi norma-norma masyarakat, walhal sebahagian daripada mereka tidak setuju dengan peraturan-peraturan yang digubah dan ditetapkan oleh masyarakat, dan juga sedar terdapat sebahagian dari peraturan-peraturan tersebut tidak lagi sesuai dengan keadaan hidup mereka masa kini.

Walaubagaimana pun pada hakikat dasarnya teori control merumuskan bahawa : 'human beings are born free to break the law and will refrain from so doing only if special circumstances exist!' (Box S; 1981 : 122)

Seterusnya Hirschi telah mengklasifikasikan empat elemen penting dirujukan sebagai ikatan sosial iaitu :-

- i) Attachment
- ii) Commitment
- iii) Involement
- iv) Beleif

Sekiranya ke empat-empat elemen ikatan sosial ini gagal di bina atau patah, maka individu akan mempunyai satu pilihan untuk terjerumus ke dalam penyelewengan.

i) Attachment (pertalian)

Downes dan Rock menyatakan bahawa menurut pandangan ramai attachment adalah;

'... prior to caring about their opinions and wishes'

(Downes D., Rock P.; 1982 : 188)

Elemen ini merujuk kepada individu atau masyarakat yang terikat pada kumpulannya melalui pengaruh perasaan dan rasa hormat juga melalui sosialisasi terhadap norma-norma kumpulannya. Apa yang ingin di fahami melalui elemen ini yang dikaitkan dengan pelakuan devian ialah jika seseorang individu itu tidak sensitif terhadap pemikiran, perasaan dan pengharapan dari peraturan koventional iaitu tiada rasa pertalian, maka iaanya bebas untuk melakukan penyelewengan. Jika terdapatnya pertalian erat di antara individu dan masyarakat maka seseorang itu tidak sanggup untuk berpaling tадah atau menganiaya norma-norma yang telah ditentukan dan diterima oleh masyarakat.

Steven Box di dalam menghuraikan attachment telah membahagikan element tersebut kepada dua unsur penting iaitu :-

- a) Total Attachment
- b) Partial Attachment

Total Attachment dimaksudkan sebagai satu keadaan di mana seseorang individu memasukan perkara lain di dalam dirinya dan sikap keakuan (ego) terhapus malah digantikan melalui satu penyatuan (perpaduan) iaitu yang disebut 'a coming togetherness'. Dalam transformasi ini, sikap individu tiada lagi, pengharapan dari orang lain menjadi kesatuan yang total atau menyeluruh. Lebih jelas lagi walaupun tanpa kehadiran individu lain tetapi kehadiran spiritualnya amat dirasai.

Partial Attachment pula dimaksudkan pada corak perhubungan individu (remaja), adalah menurut atau tidak lari dari koventional standard, terutama ibu bapa di dalam keadaan di mana kehadiran orang lain dirasakan. Atau pun akan mulai mengenali tentang keadaan tersebut, di mana individu tersebut tidak mahu menyakiti mereka. Ini merujuk pada perhatian berat yang diberikan oleh individu tersebut terhadap kumpulan masyarakat walaupun ia tidak begitu mengenali mereka.

Attachment adalah sebenarnya merujuk pada pemerhatian bahawa secara subjektif, penyelewengan adalah tidak mustahil berlaku pada seseorang kecuali terdapatnya pembinaan hubungan rapat di antara satu sama lain di dalam masyarakat yang boleh berfungsi mencegah seseorang itu dari terlibat dengan penyelewengan. Apabila ujudnya Total Attachment pada diri

seseorang dalam masyarakat, maka adalah sukar baginya untuk menganiaya masyarakatnya sendiri. Dan, keduanya, jika telah ujud Partial Attachment pula, sukar bagi seseorang itu untuk melukakan hati masyarakatnya terutama ibu bapa.

ii) Commitment (Penglibatan).

Merupakan element yang menerangkan di mana individu membina 'stake' di dalam menyesuaikan perlakuan. Kanter (1968, P. 500) merujuk commitment sebagai 'sequences of action with penalties and cost so arranged as to guarantee their selection'. Stebbins (1971 : P. 35) pula mencadangkan commitment sebagai 'the awareness of the impossibility of choosing a different social identity or rejecting a particular expectations because of the imminence of penalties involved in making the switch'. (Box S., 1981 : m.s. 127)

Commitment adalah elemen yang rasional di dalam social bond. Ini bermakna kebanyakan individu hanya akan terlibat di dalam satu-satu aktiviti yang boleh atau akan memberi keuntungan pada mereka walaupun ianya akan melibatkan kos yang tinggi. Ini bererti individu tersebut lebih menekan pada ganjaran sosial yang diterima dalam penglibatannya di dalam aktiviti-aktiviti rasional, yang terikat pada kehendak masyarakat atau Social Conformity.

Walaubagaimana pun, pengukuran terhadap penglibatan individu itu bukanlah berdasarkan pada yang simple atau mudah yang quantitative, tetapi setiap individu terikat pada sosialnya dilihat dari perspektif

yang lebih subjektif dan juga 'not necessarily closely connected with stratification system'.

iii) Involvement (Partisipasi).

Partisipasi bermaksud 'Construction of an actions demanded by chosen way of living'. Nettler G.;(1978 : 313). Involvement ini pada hakikatnya adalah aktiviti-aktiviti fizikal yang bukan bersifat penyelewengan. Contoh yang paling mudah jika seseorang itu aktif di dalam sesuatu bidang seperti sukan dan berpersatuan maka masanya adalah kurang untuk terlibat di dalam penyelewengan. Partisipasi atau involvement yang berterusan di dalam aktiviti koventional juga turut menguatkan lagi element Commitment.

iv) Belief (Kepercayaan).

Kepercayaan merupakan ketaatan seseorang terhadap sistem nilai-nilai yang dominant di dalam kumpulannya. Nilai-nilai ini memungkinkan sifat-sifat moral yang mesti bagi individu tersebut, dengan ini adalah di luar pemikirannya untuk menyeleweng nilai-nilai moral tersebut. Ini bermakna semakin kurang kepercayaan individu tersebut untuk mematuhi undang-undang, maka semakin besar kemungkinan baginya untuk melanggar undang-undang tersebut.

Walaubagaimana pun, di dalam menekankan keadaan yang berubah-ubah di dalam morality, Teori Control merumuskan usul-usulnya di dalam lingkungan apa yang tidak menjadi mustahil lebih dari apa yang diperlukan atau diputuskan. Hirschi (1969, P. 26), menyatakan bahawa "delinquency is not caused by beliefs that require delinquency, but is rather made

possible by the absence of (effective) beliefs that forbid delinquency".  
 (Box S.; 1981 : 128)

Dengan ini apa yang dapat kita fahami dari ke empat-empat yang di kemukakan oleh Hirschi, lebih menekan pada kadar penglibatan atau penyertaan seseorang individu itu di dalam organisasi-organisasi atau institusi-institusi sosial yang telah di institusikan secara tradisi oleh masyarakat, atau yang di tubuhkan mengikut peredaran zaman oleh masyarakat.

Dua aspek penting yang di perbincangkan di dalam ke empat-empat elemen tersebut ialah aspek-aspek Coventional Order serta institusi-institusi koventional yang telah diterima oleh masyarakat berdasarkan nilai-nilai moral, di dalam memungkinkan pilihan di dalam kadar penyertaan individu tersebut di dalam penyelewengan.

Kita juga dapat melihat terdapat satu keadaan yang saling berkaitan di antara ke empat-empat elemen tersebut iaitu pertalian, penglibatan, penyertaan dan kepercayaan, di mana ia melibatkan hubungan secara elemen luaran dan dalaman, iaitu pengaruh secara fisically dan spiritual seperti penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti sosial seperti sukan dan secara mentally atau pengaruh fikiran terhadap penerimaan atau penolakan institusi koventional serta nilai-nilai moral yang dicipta oleh masyarakat.

Dengan ini dapat kita fahamkan bahawa di dalam proses penerimaan atau penolakan institusi koventional oleh individu inilah yang akan menentukan pilihan individu yang boleh membawa kepada penyelewengan jika difikirkan ikatannya dengan masyarakat tidak kuat atau longgar, di mana

ini ditentukan juga oleh dua faktor kejayaan dan faktor kegagalan individu di dalam memenuhi syarat-syarat yang telah dikenakan oleh masyarakatnya di dalam mencapai goals. Jika individu gagal memenuhi atau mencapai goals atau tidak dapat atau tidak berkemampuan mencapai goals melalui cara-cara yang ditentukan oleh masyarakat, maka akan timbul perasaan keterasingan atau alienasi yang menyebabkan individu tersebut mengguna cara lain atau secara penyelewengan dari norma-norma masyarakat. Ini diuraikan di dalam Teori Anomie.

#### 2.2.2 Teori Anomie.

Teori Anomie adalah diasaskan oleh ahli sosiologi terkenal pada abad ke 19 iaitu Emile Durkheim dari Perancis di dalam menulis bukunya 'Suicide' (1897) di dalam pengkajian atas sebab-sebab berlakunya kes bunuh diri. Zaman selepasnya teori ini terus diperkenalkan oleh Robert K. Merton pada tahun-tahun 1930an. Namun, kedua-dua ahli sosiologi ini dikecam hebat oleh ahli sosiologi lain seperti Lukes dan Horton, yang menyatakan bahawa konsep Anomie oleh Merton amat mengelirukan pemahaman dan pengertiannya serta 'dehumanized'. Douglas (1979) mengritik Durkheim dari segi methodologinya yang tidak saintifik terhadap pengkajian bunuh diri. Manakala Mervin E. Olsen pula mengatakan bahawa ;

"Anomie as Durkheim first conceived of it in The Division of Labor in society, might be defined as a condition of inadequate procedural rules to regulate complementary parts of a complex social system"

(Gibbon D.C.; 1979 : m.s. 85)

Pada hakikatnya, konsep anomie menurut Durkheim di dalam kajian kes bunuh diri menerangkan bahawa anomie adalah satu keadaan yang tidak lengkap dengan norma-norma moral untuk menjaga atau mengawasi dan mengawal perlakuan individu dan kumpulan sosial sebagai satu kepentingan dalam keseluruhan sistem sosial. Pandangan Durkheim terhadap anomie ini timbul di dalam usahanya untuk menerangkan konsep pathological di dalam 'Division of labor'

Robert K. Merton pula merumuskan perlakuan devian adalah kesan dari ;

"Certain societal strains that place pressure on individuals to become deviate".

(Clinard M.B., Meier R.F.; 1985 : 69)

Ini adalah akibat dari kesan pembangunan yang amat pesat berlaku di Amerika Syarikat, di mana kemewahan dan taraf pelajaran menjadi satu status yang paling diutamakan oleh masyarakat pada waktu itu. Wang pula merupakan satu-satu perkara yang dipentingkan. Tetapi hanya terdapat golongan tertentu sahaja yang berkuasa penuh di dalam memegang institusi-institusi tertentu, di dalam pencapaian ke arah kemajuan dan mengecap kemewahan.

Di sini berlakunya diskriminasi di antara golongan ethnik dan juga golongan bawahan. Hasilnya ujudlah keadaan terasing atau anomie. Sebagaimana yang dirumuskan Clinard dan Meier ;

"As a result, a situation of anomie takes a place when there is an acute disjunction between the cultural goals and the legitimate means available to certain groups in society to achieve those goals. Anomie represents a breakdown in the social structure and the consequences for the individual are often referred to as anomie, anomy or alienation".  
(Clinard M.B., Meier R.F.; 1985 : 69)

Pada kebiasaan pencapaian secara legitimate means adalah melalui pekerjaan sah dengan pendapatan yang tinggi atau pun melalui pelajaran yang lebih tinggi. Tetapi cara-cara begini atau peluang tersebut tidak sering diperolehi atau dimiliki oleh semua individu, lebih-lebih lagi masyarakat di kelas bawahan yang merupakan golongan yang teramai.

Manakala yang mempunyai peluang yang lebih tinggi adalah sedikit iaitu golongan atasan. Kedaan ini ujud akibat adanya struktur sosial yang membataskan pencapaian seseorang itu di dalam masyarakat yang kompleks. Keadaan ini jugalah mengujudkan anomie atau keterasingan apabila kejayaan lebih ditekankan dari maksud yang telah diterima untuk mencapai segala tujuan tersebut.

Dalam pada ini, terdapat sebahagian individu yang terdesak untuk mencapai tujuan tersebut melalui illegitimate means, iaitu secara penyelewengan dengan melakukan jenayah, pelacuran, penagihan dadah dan lain-lain. Jadi pada hakikatnya teori anomie ini lebih menekankan penyelewengan yang lebih banyak terdapat di kalangan individu kelas bawahan yang menerima lebih tekanan ke arah penyelewengan disebabkan oleh kesempatan atau peluang memiliki kemewahan dan pencapaian yang tinggi dibidang pelajaran melalui legitimate means adalah amat terhad.

Huraian di atas kita lihat adalah berdasarkan pada keadaan masyarakat di Amerika Syarikat pada waktu selepas Perang Dunia Pertama yang dikaji oleh Merton. Beliau cuba mencari sebab-sebab mengapa terdapat sesebuah golongan itu terlibat di dalam penyelewengan dan apakah

desakan-desakan tersebut hanya mendorong golongan-golongan tertentu sahaja melakukan penyelewengan.

Merton ada menyatakan bahawa;

"... Anomie refers to a property of a social system... Anomie that is a condition of the social surroundings not a condition of particular people... to prevent conceptual confusion different terms are required to distinguish between the anomie of individuals and the state of the social system".

(Shoham S.G.; 1976 : 59)

Jadi apa yang lebih ingin disampaikan atau dimaksudkan oleh Merton di dalam kajianya terhadap anomie ialah seseorang itu yang tiada cara atau jalan secara yang diakui sah oleh masyarakatnya dan perbadanan-perbadanan rasmi, untuk memenuhi kehendaknya memiliki kemewahan dan mencapai kejayaan secara mobility ke atas atau menengah akan terdesak untuk mencapainya secara penyelewengan dari norma-norma sosial seperti melakukan jenayah.

Kesimpulannya teori Merton lebih ditumpukan pada dua elemen penting di dalam social dan struktur budaya iaitu :-

"The Culturally defined goals that people are encouraged to pursue, and the social structure that regulates and controls the acceptables modes or means for the pursuit of those goals".

(Gibbons D.C.; 1979 : 68)

Berpandukan pada perspektif anomie, illegitimate adaptations digunakan oleh golongan bawahan untuk mencapai apa yang dipentingkan oleh masyarakat keseluruhannya iaitu kemewahan dan kejayaan dari segi

material. Merton telah mengesyorkan satu typology terhadap lima cara penyesuaian di dalam perhubungan :-

- a) Conformity (kesamaan/persesuaian)
- b) Innovation (pembaharuan)
- c) Ritualisme (kelaziman)
- d) Retreatisme (pengunduran)
- e) Rebellion (pemberontakan)

a) Conformity (kesamaan/persesuaian)

Conformity adalah merupakan proses atau keadaan individu di dalam percubaan untuk menyesuaikan diri mencapai goals tujuan atau 'goals' secara legitimate means yang diterima oleh masyarakat. Seandainya individu tersebut tidak dapat menyesuaikan diri, ia akan menggunakan salah satu dari empat cara di bawah seterusnya.

b) Innovation (pembaharuan)

Ia merujuk pada kes-kes individu yang meneruskan usaha-usaha untuk mengejar tujuannya dengan menggunakan cara atau jalan baru tetapi secara penyelewengan atau melanggar undang-undang. Contohnya seperti merompak, pelacuran dan lain-lain. Cara ini lebih banyak terjadi atau individu terlibat daripada golongan bawahan.

c) Ritualisme (kelaziman)

Melibatkan ketetapan perlakuan di dalam percubaan penyesuaian seseorang individu, tetapi individu ini tidak mempunyai kesedaran terhadap tujuan perlakuan tersebut dan tiada cita-cita khusus, individu ini lebih

merupakan 'Pak turut' yang mengikut saja kebiasaan-kebiasaan yang dibuat oleh orang lain seperti ke sekolah, berpersatuan dan lain-lain.

d) Retreatisme (pengunduran)

"Retreatism involves withdrawal from the competitive struggle and rejection of both the approved goals and the socially approved paths to achieve them".

(Gibbons D.C.; 1979 : m.s. 69)

Retreatisme merupakan penolakan individu terhadap ke dua-dua 'goals' dan 'means'. Contoh bagi individu yang terlibat dengan retreatism adaptation ini ialah pelaku devian yang bersifat passive seperti alkoholik, yang seakan-akan cuba menunjukkan pada masyarakat bahawa dirinya tidak mahu lagi mempertahankan kesetian terhadap nilai-nilai koventional seperti bekerja kuat dan juga mendapat penghormatan daripada orang lain.

e) Rebellion (Pemberontakan)

Rebellion merujuk kepada individu yang tidak puas hati dan menolak goals secara extreme di mana pada pandangan mereka goals tidak akan dapat dicapai melalui illegitimate means. Individu yang terlibat adalah berbeza dengan individu di dalam golongan retreatisme adaptations individu ini lebih aktif bertindak dalam penolakan ke atas ke dua-dua 'goals' dan 'means'. Mereka akan cuba mengubah atau merombak keadaan koventional kepada keadaan atau corak baru secara seolah-olah memberontak.

Menurut Clinard dan Meier di dalam buku mereka "Sociology of Deviant Behavior" secara rebellion, individu terlibat akan cuba mencari

sesuatu cara yang baru yang lebih astablish dan khusus untuk mengubahsuai semula struktur social. Mereka cuba mengubah matlamat baru dan menyusun strategi baru untuk mengubah social structure yang ujud dalam percubaan untuk mencapai matlamat yang secara tradisi dicipta oleh masyarakat. Contoh yang agak jelas bagi rebellion ialah di dalam kes perubahan politik yang radikal dan juga pemberontakan.

Retreatisme, pula merupakan ujudnya pengasingan diri daripada matlamat budaya yang dihormati oleh masyarakat serta lupa cara atau cara yang telah diinstitusikan untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut. Individu-individu tersebut memahami akan cara dan kepentingan kejayaan terhadap matlamat atau kehendak budaya masyarakat tetapi mendapati ianya tidak dapat dicapai melalui 'institutional means'. Individu yang terlibat ini akan merasa kecewa, tertewas dan menarik diri, kemudiannya terlibat dengan penagihan dadah, pemabuk atau lebih teruk lagi menjadi pesakit otak atau membunuh diri untuk melepaskan tekanan dan rasa kecewa tersebut.

Ritualism pula merupakan pengasingan dan salah anggapan terhadap matlamat memiliki kekayaan dan 'mobility social' di mana pengharapan sebagai satu titik utama diselesaikan secara perlakuan ritual dan kebiasaan yang menghalang atau menghapus perasaan kecewa di dalam megejar cita-cita.

A typology of modes of Individual Adoption

Modes of Adaptation	Cultural Goals	Institutionalized means
I Conformity	+	+
II Innovation	+	+
III Ritualisme	-	+
IV Retreatisme	-	-
V Rebellion	±	±

(Key :- + = Acceptance; - = Rejection; ± = Rejection of prevailing values and means substitution of new values and means).

(Gibbons D.C; 1979 : 69)

Setiap elemen di dalam proses adaptasi ini adalah bergantung kepada individu sama ada akan menolak (rejection) atau menerima (acceptance) arah tujuan atau matlamat budaya (cultural goals), dan yang berkaitan ; atau pelanggaran terhadap norma-norma yang telah diterima. Seseorang itu mungkin akan berpaling dari kelaziman matlamat budaya dan sebaliknya berkemungkinan memberontak terhadap matlamat tersebut dengan melakukan penyelewengan dari norma-norma yang telah ditetapkan oleh masyarakat.

## BAB 3

POLA-POLA JENAYAH DAN PENYELEWENGAN BANDUANDAN BANDUANITA.

Jenayah dan penyelewengan pada umumnya terdiri dari berbagai-bagai jenis dan kategori kesalahan yang berkait dengan pelanggaran terhadap undang-undang jenayah negara, serta norma-norma yang telah ditentukan oleh masyarakat seluruhnya. Kepelbagaiannya jenis jenayah dan penyelewengan ini berkembang sebagaimana berkembang dan bertambah majunya dunia moden zaman kini serta bertambahnya bilangan penduduk yang semakin pesat dan padat.

Perkembangan dan kemajuan tersebut tidaklah dinikmati oleh seluruh individu sebaliknya hanya segelintir daripada jumlah keseluruhan individu menggeapi hasil kemajuan tersebut. Individu yang kurang bernasib baik ini sering terdesak oleh kehendak-kehendak tertentu yang tidak terbatas berbanding dengan sumber-sumber pengeluaran yang ada adalah terbatas. Masalah ini sering melibatkan individu terjerumus ke dalam jenayah berkaitan dengan harta-benda.

Berbagai-bagai sebab lagi yang memungkinkan seseorang itu terlibat di dalam penyelewengan di mana ini melibatkan faktor-faktor darisegi sosial, ekonomi, politik, budaya juga faktor dalaman diri seseorang. Secara universalnya, setiap tindakan dan perlakuan seseorang itu adalah hasil atau tindakbalas dari berbagai-bagai keadaan dan fenomena, kerana setiap tindakan dan perlakuan manusia pada hakikatnya mempunyai maksud dan tujuan tertentu pula.

Penghuraian seterusnya adalah berkenaan dengan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh para banduan. Jenis-jenis kesalahan tersebut akan cuba dikaitkan dengan konsep jenayah berdasarkan latarbelakang kehidupan para banduan tersebut.

### 3.1. BANDUAN

Jadual 3.1. (a) Darihal kesalahan-kesalahan mengenai manusia.

Lengkungan umur.	Membunuh orang (302)				Mematikan orang Dg. Salah (304)				Mencedera atau serangan dll. (319-358)				JUM:
	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	
17 - 21 thn.											1		1
21 - 25 thn.									1	1			2
26 - 30 thn.	4			1	2	1							8
31 - 40 thn.						1			1	1	1		4
41 - 60 thn.						1							1
BEBAS						1							1
Bil. JUN	3	3	3	2	10	10	10	1	3	4	8	2	59
BIL. JULAI	7	3	3	3	12	12	10	2	5	5	10	2	74

Jadual memperlihatkan bahawa secara keseluruhan, banduan Melayu adalah paling ramai terlibat di dalam kes membunuh orang (302) iaitu 9.5% dari jumlah keseluruhan bulan Julai sebanyak 74 orang. Adalah sukar untuk dipastikan punca sebenar individu-individu ini terlibat. Besar kemungkinan adalah disebabkan oleh desakan ekonomi iaitu di dalam usaha memperolehi 'goals' secara 'illegitimate means' mereka terlibat di dalam kes pembunuhan. Faktor ini juga mungkin merupakan sebab-sebab utama bagi kes mematikan orang dengan salah (304), di mana pembunuhan berlaku berkait dengan masalah-masalah

penyelewengan lain seperti rompakan, rogol dan sebagainya, di mana dapat kita lihat individu yang paling ramai terlibat adalah golongan Melayu, China dan India yang merupakan tiga bangsa terbesar di Malaysia.

Di dalam kes mencedera atau serangan dll. (319-358), didapati golongan India adalah paling ramai terlibat iaitu 13.5 %. Apa yang dapat dikaitkan di sini ialah secara umumnya kita mengetahui bahawa golongan masyarakat India sering terlibat di dalam pergaduhan dan serangan. Tidak dinafikan juga golongan ini merupakan golongan penagih arak yang teramai di mana di dalam waktu ini mereka tidak dapat mengawal diri dari membuat kakacauan di mana ini diakui sondiri oleh banduan yang terlibat di dalam kes ini.

Jadi, secara keseluruhannya, kita dapati jenis-jenis jenayah adalah berkait rapat dengan latarbelakang kehidupan dari segi keturunan yang terdapat di Malaysia.

Dilihat pula dari segi latarbelakang umur, didapati golongan yang berumur di antara 26-30 tahun adalah paling ramai terlibat, di mana secara umumnya, individu yang memasuki peringkat umur tersebut adalah merupakan individu yang terlibat di dalam penyelewengan yang kedua kali atau lebih iaitu secara tepatnya 'secondary deviant'. Mereka telah terlibat di dalam penyelewengan beberapa kali dan ini menyebabkan mereka berani untuk melakukan penyelewengan seterusnya kerana telah mempunyai pengalaman dan keberanian di dalam menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku akibat dari perbuatan tersebut.

Seterusnya, kita meneliti pula jenis kesalahan kedua iaitu kesalahan-kesalahan seks.

Jadual 3.1.(b) Kesalahan-kesalahan Seks.

	Rogol (375 - 376)				Perbuatan Luar Dari Biasa (377)				Menjatuhkan Kehormatan Orang Lain.				JUM:
Bangsa	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	
Bln. Jun	6	2			3				1				12
Bln. Julai	6	2			3				1				12

Pada keseluruhan di dalam kes ini hanya golongan Melayu dan China sahaja yang terlibat dan teramai pula adalah golongan Melayu iaitu 83.3% di dalam tiap-tiap kes dari kesalahan-kesalahan seks ini. Di dalam kesalahan ini adalah sukar untuk dikaitkan dengan latarbelakang keturunan individu terlibat. Kes ini melibatkan faktor dalaman diri seseorang, di mana individu ini menghadapi masalah mental dan keinginan seks yang hanya dapat diuraikan secara psikologikal yang dikatakan sebagai sakit jiwa atau 'mental disorder'.

Penguraian berikutnya pula adalah berkenaan dengan Darihal kesalahan-kesalahan terhadap harta benda yang merangkumi 6 jenis kes iaitu :-

- i. Mencuri (378-382)
- ii. Rompak/pemerasan (383-402)
- iii. Pecah amanah jenayah (403-409)

- iv. Tipu (415-420)
- v. Menjual atau memiliki barang-barang haram (421-424/410-414)
- vi. Pecah rumah (441-462)

Secara keseluruhan dilihat dari jadual, dari segi keturunan, golongan Melayu adalah paling ramai terlibat di dalam kesalahan ini dengan jumlah sebanyak 48.3 % daripada keseluruhan jumlah banduan terlibat di dalam kes ini iaitu 1103 orang pada akhir bulan Julai. Di dalam setiap kes diperlihatkan bahawa golongan Melayu yang paling ramai terlibat kecuali di dalam kes Rompak/Pemerasan (383-402) sahaja golongan China ada yang paling besar jumlahnya terlibat iaitu 138 orang.

Dilihat dari segi latarbelakang keturunan banduan yang terlibat adalah berkait dengan populasi penduduk Malaysia di mana ketiga-tiga bangsa Melayu, China dan India adalah golongan penduduk yang teramai. Begitu juga dengan penglibatan mereka di dalam jenayah dan penyelewengan.

Pada keseluruhannya, keenam-enam jenis kes di atas adalah berkait rapat dengan kes dadah di mana penjenayah ini sebahagian besarnya adalah penagih dadah yang melakukan kesalahan-kesalahan tersebut sebagai cara untuk mendapatkan wang bagi memperolehi dadah. Ini hanya dapat dilakukan secara 'illegitimate' memandangkan mereka tidak berupaya untuk memperolehi 'goals' secara 'legitimate'. 'Goals' atau kekayaan ini dicapai dengan tujuan yang berbagai termasuklah untuk memperolehi kemewahan hidup atau hasil-hasil tersebut digunakan bagi mendapatkan bekalan dadah. Ini sebahagian besarnya adalah melibatkan kes-kes mencuri (378-382), Tipu (415-420), Menjual atau Memiliki barang-barang haram (410-414/421-424) dan juga pecah rumah (441-

462) serta Pecah amanah jenayah (403-409).

Manakala di dalam kes rompakan/pemerasan (383-402), melibatkan golongan China yang paling ramai. Secara umumnya, kita ketahui bahawa golongan yang sering melakukan rompakan atau pemerasan ini adalah golongan China yang menganggotai kumpulan-kumpulan haram yang melakukan jenayah tersebut secara berkumpulan. Mereka ini jika dilihat dari segi latarbelakang pekerjaan terdiri daripada pekerja-pekerja kontrek atau sendiri di mana pada dasarnya tidak memperolehi 'goals' melalui pekerjaan yang diterima masyarakat sebaliknya melakukan jenayah untuk mencapai 'goals' tersebut, dengan harapan memperolehi kekayaan secara lebih cepat dan hasilnya tinggi.

Jenis-jenis jenayah perihal kesalahan-kesalahan terhadap harta benda ini pada umumnya adalah dikategorikan sebagai 'conventional crimes', di mana individu terlibat sebahagian besarnya adalah daripada golongan kelas bawahan yang begitu sukar memperolehi 'goals' secara 'legitimate means'. Ini merupakan masalah kelas sosial yang disarankan oleh Robert K. Merton yang mengakibatkan individu terlibat terdorong untuk melakukan jenayah.

Dilihat dari segi latarbelakang umur pula bagi banduan kemasukan pada bulan Julai, 1986, golongan terbesar yang terlibat adalah individu di-peringkat umur 26-30 tahun. Tidak dinafikan bahawa golongan ini adalah yang paling ramai dan sering terlibat di dalam mana-mana kes jenayah.

Jadual 3.1. (c) Darihal Kesalahan-Kesalahan Terhadap Harta Benda.

Lingkungan Umur	Mencuri (378-382)	Rompak/ Pemerasan (383-382)	Pecah Amanah jenayah (403-382)	Menjual @ Memili- ki barang2 haram (421-424/410-414)	Pecah Rumah (441-462)	Tipu (415-420)	JUM:
	M C I L	M C I L	M C I L	M C I L	M C I L	M C I L	JUM
17 - 21 th.	4 1	4 1	1	3 2			16
21 - 25 th.	11 4 3 1	11 3	1	4 1	7 2	1 1	50
26 - 30 th.	24 7 2	2 7 2 1	6 1 3	6 1 3	7 2 8 1	1 1	73
31 - 40 th.	13 4 5 1	1 3 4		1 1 1	7 1 3	1 1	47
41 - 60 th.	3	1		1	1 1	1 1	9
BEBAS	7 1	1 1	1 1	2 1	5 1		21
Bil. Bulan Lalu	275 79 98 14	31 114 27 3	8 5 2	52 15 17	78 29 61 5	7 5 2	927
JUMLAH:	320 96 109 16	35 138 37 3	8 4 2	62 18 21	98 34 74 6	10 5 6 1	1103

Jadual 3.1. (d) Lain-lain kesalahan besar jenayah.

Ling-kungan umur	Percolekan (359-374)				Mengurus rumah sundal dan hidup dengan persundalan				Memiliki candu candu, ganja, heroin dll.				Lari cukai Pendapatan atau cukai kastam.			
Bangsa	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L
17 - 21									1	2						
21 - 25									13	11	7	1				
26 - 30									23	23	11	1				
31 - 40	1								15	14	13	2				
41 - 60									1	3	1		1			
BEBAS									89	73	21	8				
BLN.JUN	1	6	2	1					837	627	239	39				2
BLN.JULAI	1	7	2	1					801	607	250	35		1	2	

Didalam lain-lain kesalahan besar jenayah ini, banduan yang begitu ramai terlibat adalah di dalam kes memilik candu ganja, heroin dll. iaitu berkaitan dengan dadah. Dilihat dari segi keadaan latarbelakang keturunan, adalah sama dengan lain-lain kes sebelum ini iaitu yang paling ramai terlibat ialah golongan Melayu.

Masalah penagihan dadah ini sering dikaitkan masalah individu dengan keluarganya seperti pepecahan fungsi keluarga iaitu kurangnya pertalian di antara individu dan keluarganya terutama ibu bapa.

Di dalam kes percolekan pula, kita dapati bahawa golongan China adalah yang teramai terlibat. Dilihat dari segi latarbelakang ini, pada

umumnya kita ketahui golongan China adalah golongan yang lebih berani di dalam melakukan jenayah seperti ini. Ini semua adalah kerana faktor kelas sosial yang disarankan Merton di dalam teori Anomie, di mana individu daripada kelas bawahan, yang gagal memperolehi 'goals' secara 'legitimate' akan menyeleweng bagi mendapatkan 'goals' tersebut.

Di dalam kes mengurus rumah sundal dan hidup dengan persundalan ini melibatkan hanya seorang banduan Melayu. Adalah sukar untuk dipastikan faktor-faktor individu tersebut terlibat di dalam penyelewengan ini. Apa yang dapat diperkatakan, besar kemungkinan adalah kerana cuba memperolehi kekayaan dan kekuasaan tetapi secara 'illegitimate means'. Begitu juga dengan kes lari cukai pendapatan atau cukai Kastam, di mana kes-kes ini biasanya melibatkan golongan atasan iaitu apa yang dikatakan 'white-collar crimes'. Kebiasaan, kesalahan atau jenayah yang dilakukan oleh mereka berkait dengan pekerjaan mereka sendiri.

Seterusnya kita lihat pula kesalahan dari segi Undang-undang mencegah jenayah.

Jadual 3.1. (e) Undang-undang mencegah jenayah.

Ling-kungan umur	Lari dari Daerah dibuang (RR)				Membantah Hukuman Penyelia-an Polis (PS) G.P.S. KAJ				*POPOC/PCO				JUM:
	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	
26-30 thn.					2								2
31-40 thn.										2			2
41-60 thn.									2				2
BIL. JUN	4	2	2		2		1		10	4	2		27
BIL. JULAI	4	2	2		4		1		12	6	2		33

\* Nota : POPOC/PCO - Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah.

Kesalahan-kesalahan yang ditunjukkan di dalam jadual adalah kesalahan yang berkait dengan undang-undang mencegah jenayah. Para pesalah tersebut merupakan pesalah-pesalah dari kes-kes lain tetapi telah melakukan kesalahan yang berkait dengan undang-undang tersebut. Contohnya bagi kesalahan Lari dari Daerah dibuang (RR), pesalah tersebut pada hakikatnya bersabit dengan kes lain yang dijatuhkan hukuman buang daerah oleh mahkamah, dan ia sekali lagi dihukum penjara akibat kesalahan lain dari tempat ia dibuang. Begitu juga bagi dua lagi kesalahan yang lain di dalam jadual.

Dilihat dari segi keturunan, banduan Melayu adalah yang teramai sekali terlibat iaitu kira-kira 60.6 %. Ini menunjukkan bahawa golongan ini adalah golongan yang agak agresif di dalam tindabalas menerima hukuman serta cuba membantah terhadap hukuman yang telah dijatuhkan terhadapnya.

Dengan ini dilihat secara keseluruhannya dari data-data serta jadual-jadual yang diperolehi kita dapat simpulkan bahawa dari segi latarbelakang keturunan melibatkan jumlah yang teramai adalah banduan Melayu yang merupakan golongan penduduk teramai di Malaysia. Manakala dari segi latarbelakang umur pula individu ditahap umur di antara 26-30 tahun adalah paling ramai terlibat, yang menunjukkan bahawa golongan ini adalah golongan yang paling agresif, tahan lasak serta berani menghadapi sebarang komungkinan yang berlaku akibat dari tindakan penyelewengan mereka. Mereka ini besar kemungkinan merupakan individu yang telah beberapa kali melakukan jenayah dan penyelewengan pada peringkat usia remaja iaitu peringkat 'primary deviant' di mana jika terdapat faktor-faktor pendorong yang kuat ke arah penyelewengan seterusnya, melibatkan mereka di dalam penyelewangan seterusnya, melibatkan mereka di dalam penyelewangan sehingga-lah ke peringkat desawa.

### 3.2. BANDUANITA

Seterusnya kita lihat pula statistik banduanita pada akhir bulan Julai dari segi kesalahan-kesalahan yang dilakukan pada jumlah keseluruhannya.

\* Rujuk pada jadual 3.2.(a) di muka sebelah.

Jadual 3.2. (a) Darihal kesalahan-kesalahan mengenai manusia.

Lingkungan umur	Mematikan orang dengan Salah (304)				Mencedera atau serangan dll. (324)			
Bangsa	M	C	I	L	M	C	I	L
41-60 tahun							1	
BEBAS	1	1						
Bil.Bln. Jun	2	1					2	
Bil.Bln.Julai	1						2	1

Jadual di atas menunjukkan bilangan banduanita yang terlibat berkaitan dengan Darihal kesalahan-kesalahan mengenai manusia.

Dilihat dari segi latarbelakang keturunan, banduanita yang terlibat hanya terdiri daripada golongan China dan India sahaja. Di sini adalah sukar untuk dipastikan faktor-faktor penyebab mereka terlibat di dalam penjenayahannya ini. Walau bagaimanapun, pada kebiasaananya penjenayahannya yang melibatkan wanita, secara umumnya adalah ter dorong oleh tekanan-tekanan perasaan disebabkan oleh berbagai-bagai masalah peribadi yang berkaitan.

Jadual 3.2. (b) Darihal kesalahan-kesalahan terhadap harta benda.

Lingkungan Umur	Mencuri 380-320				Rompak/ Pemerasan				Pecah Amanah Jena yah 403-409				Tipu (402)				Pecah Rumah 454,456, 459.				JUMLAH
	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	L		
21 - 25		1	1																	2	
31 - 40	1	1																		2	
BEBAS		1	1																	2	
Bil. Jun	2	1	1	1	2	1				1		2					1			12	
Bil.Julai	3	2	1	1	2	1				1		2					1			14	

Jadual menunjukkan pada akhir bulan Julai terdapat 14 orang banduanita terlibat dengan kesalahan berkaitan Darihal kesalahan-kesalahan terhadap harta benda.

Jumlah yang paling ramai terlibat adalah di dalam kes Mencuri (280-32-) iaitu 50 % semuanya. Walaubagaimana secara keseluruhannya, apa yang dapat diteliti ialah, faktor sosio-ekonomi merupakan punca utama mendorong individu ini terlibat di dalam kesalahan berkaitan dengan 'conventional crimes' .

Dilihat dari segi keturunan, didapati banduanita berketurunan Melayu adalah yang paling ramai terlibat, iaitu 57.2 % dari jumlah keseluruhannya. Manakala golongan India serta warganegara asing tidak ada yang terlibat. Jika dikaitkan dengan teori Anomie Merton, menunjukkan

bahawa golongan banduan-nita Melayu ini datang daripada golongan bawahan yang lebih terdedah pada dorongan untuk melakukan jenayah.

Jadual 3.2. (c) Lain-lain Kesalahan Besar Jenayah.

Lingkungan Umur	Pencolekan (368,366, 363)	Mengurus rumah sundal dan hidup dengan persundal- an.				Candu, ganja, heroin dll.				Cukai Pendapatan atau cukai Kastam.				JUMLAH.				JUMLAH	
		M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L		
17-21								1							1			1	
21-25							10								10			10	
26-30								1	2	1					1	2	1	4	
31-40								4		2	1				4		2	1	7
60									1							1			1
BEBAS								3	4	2	1				3	4	2		9
JUN			1	1	1			22	36	9	2	1			24	37	10	2	73
JULAI			1	1	1			34	36	10	3	1			36	37	11	3	87

Di dalam jadual di atas, menunjukkan statistik berkenaan dengan lain-lain kesalahan Besar Jenayah. Dari jadual kita dapati tidak terdapat kemasukan baru pada bulan Julai di dalam kes-kes Percolekan, Mengurus rumah sundal dan hidup dengan Persundalan dan lari Cukai Pendapatan atau Cukai Kastam. Begitu juga tidak terdapat banduan-banduan yang dibebaskan bagi kes-kes tersebut. Kemasukan banduan baru pada bulan Julai hanya terdapat pada kes memiliki candu, ganja, heroin dll.

Apa yang dapat disimpulkan melalui jadual, keadaanya adalah sama dengan apa yang terjadi pihak banduan lelaki, di mana masalah penagihan dadah ini sering dikaitkan dengan masalah di antara individu dan keluarga atau lebih tepat lagi tekanan perasaan yang dialami oleh individu akibat dari masalah keluarga atau pepecah fungsi keluarga.

Jadual 3.2. (d) Undang-undang Mencegah Jenayah.

Jenis Kesalahan	Lari dari Daerah di buang (RR)	Membantah hukuman Penyeliaan Polis (PS)	POPOC/PCO 292,296
Bangsa	Melayu	Melayu	Melayu
Bulan Jun	2	1	1 4
Bulan Julai	2	1	1 4

Jadual di atas adalah statistik berkenaan dengan penglibatan penjenayah atau penyelewengan yang dihukum penjara berkaitan dengan undang-undang mencegah jenayah.

Di dalam kes ini, hanya golongan Melayu sahaja yang terlibat. Ini menunjukkan bahawa golongan ini begitu agresif di dalam membantah hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan terhadapnya.

Jadual 3.2. (c) Lain-lain Kesalahan.

	Orang Dagang				Lain-lain kesalahan yang tidak tersebut dalam ruangan lain.				JUMLAH				4
	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L	
17-21				15								15	15
21-25				19	7				7			19	26
26-30				12	1		1		1			12	14
31-40				1	1		2		1			1	4
41-60				3								3	3
BEBAS				18	5				5			18	23
JUN	5			24	9		3	1	14			3	32
JULAI	5			56	13		6	1	18			6	81

Di dalam kes lain-lain kesalahan dari statistik atau jadual di dapati bahawa di dalam kes Orang Dagang, kemasukan pesalah baru yang dihukum penjara akibat kesalahan tersebut adalah terdiri dari lain-lain keturunan atau warganegara asing lebih tepatnya. Terdapat 56 orang pesalah daripada warganegara asing yang dihukum penjara pada akhir bulan Julai, 1986.

Jadi secara keseluruhannya, dilihat pada pola-pola penjenayahannya di kalangan wanita, apa yang jelas terlihat ialah penglibatan para banduanita berketurunan Melayu merupakan sebahagian besar dari jumlah keseluruhan banduanita.

Ini, jika dikaitkan dengan teori menunjukkan bahawa para wanita di kalangan golongan Melayu merupakan golongan yang paling ramai terlibat di dalam masalah rasa rendah diri atau keterasingan sebagaimana yang dikatakan oleh Merton di dalam teori Anomie akibat dari kolonggaran ikatan sosial para individu tersebut dengan kumpulan-kumpulan sosial yang dihuraikan oleh Hirschi di dalam teori kawalan, di mana kesemuanya ini merupakan faktor-faktor yang mendorong individu tertentu ke arah penyelewengan.

## BAB 4

FAKTOR-FAKTOR KESANGGUPANKE ARAH PENYELEWENGAN

Latarbelakang kehidupan individu tertentu adalah amat penting di dalam mempengaruhi corak perlakuan dan daya ketahanan diri seseorang itu di dalam proses-proses kehidupan. Keadaan perjalanan latarbelakang kehidupan seseorang itu memberi kesan-kesan tertentu pada sikap seseorang. Latarbelakang kehidupan yang ditekankan di sini ialah latarbelakang kehidupan keluarga, ekonomi, pendidikan serta faktor persekitaran iaitu keadaan kehidupan atau penyertaan individu dengan masyarakatnya serta hubungan-hubungan sosial antara individu dengan kumpulan masyarakatnya.

Untuk mengetahui kesan-kesan latarbelakang kehidupan individu tertentu terhadap sikap dan perlakuan yang boleh membawa ke arah penyelewengan. Kajian dilakukan secara perbandingan ke atas latarbelakang kehidupan di antara kumpulan-kumpulan sasaran iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen.

#### 4.1. Ikatan Kekeluargaan.

Institusi serta ajen pembentuk utama individu terhadap perlakuan serta sikap adalah merupakan institusi famili. Famili adalah unit asas mencorak pendirian sikap individu ke arah pembentukan nilai peribadi sama ada negatif atau positif. Unit sosialisasi terpenting adalah unit famili, sebagaimana yang dijelaskan oleh G. Duncan Mitchell ;

"Socialization covers child rearing techniques  
 ... as well as the acquisition of language  
 and co-operation and conflict".  
 (Mitchell (ed) 1970 : 1970.)

Perlakuan seseorang itu sebahagian besarnya adalah merupakan tindakbalas terhadap perhubungan dengan familiinya iaitu sama ada hubungan itu rapat atau longgar, di mana ini disebabkan berlakunya konflik-konflik tertentu di dalam perhubungan tersebut.

Di dalam teori kawalan, ditekankan pertalian yang erat di antara individu dengan familiinya sebagai salah satu faktor yang menentukan kesanggupan individu tersebut terjerumus ke arah penyelewengan. Berbagai faktor perhubungan individu dengan familiinya sebagai pendorong ke arah penyelewengan dilihat dari segi latarbelakang famili, latarbelakang perkahwinan ibu dan bapa individu, kemesraan hubungan individu bersama famili dan juga darjah-darjah kawalan yang dikenakan oleh ibubapa terhadap individu.

Jadual 4.1 (ai) Bilangan adik-beradik. (lelaki)

Bil.	Banduan (%)	Bukan Banduan (%)
1 - 4	3 (15%)	3 (15%)
5 - 8	11 (55%)	11 (55%)
9 - 12	6 (30%)	6 (30%)
	20 (100%)	20 (100%)

Jadual 4.1 (ai) menunjukkan laterbelakang bilangan adik-beradik di antara banduan lelaki dibandingkan dengan kumpulan bukan banduan. Didapati, terdapat persamaan jumlah bilangan di antara kedua-dua kumpulan tersebut iaitu bilangan banduan yang mempunyai bilangan adik-beradik seramai 1-4 orang adalah 15 %, begitu juga bagi pihak bukan banduan. Manakala bilangan adik-beradik di antara 5-8 orang bagi pihak banduan adalah 11 orang atau 55 %, iaitu jumlah terbesar bagi kedua-dua kumpulan banduan dan bukan banduan. Pada jumlah di antara 9-12 orang adik-beradik, kedua-dua kumpulan mempunyai bilangan seramai 6 orang atau 30 %. Walau bagaimana pun secara keseluruhan kedua-dua kumpulan mempunyai jumlah adik-beradik yang ramai dilihat dari jadual yang menunjukkan bahawa pada bilangan yang melebihi 5 orang ke atas terdapat seramai 17 orang atau merupakan 85 % dari jumlah keseluruhan.

Jadual 4.1 (aii) Bilangan adik-beradik (Wanita)

Bil.	Banduanita (%)	Bukan Banduanita (%)
1 - 4	5 (25)	3 (15)
5 - 8	10 (50)	11 (55)
9 - 12	4 (20)	6 (30)
13 - 16	1 (5)	-
	20 (100)	20 (100)

Pada jadual di atas iaitu bilangan adik-beradik di antara banduanita berbanding dengan bukan banduanita, terdapat perbezaan bukan sahaja di antara kedua kumpulan tersebut tetapi juga berbeza jika

dibandingkan dengan kumpulan lelaki. Pada jumlah bilangan 1-4 adik-beradik bagi banduanita terdapat seramai 5 orang iaitu 29 % tetapi bagi bukan banduanita, adalah 3 orang atau 15 % iaitu sama dengan bilangan bagi kedua kumpulan responden lelaki. Ini menunjukkan lebih ramai banduanita yang mempunyai jumlah bilangan adik-beradik yang kecil atau sedikit.

Banduanita yang mempunyai bilangan 5-8 adik-beradik terdapat seramai 10 orang atau 50 % manakala bukan banduanita terdapat seramai 11 orang atau 55 % iaitu kurang 1 orang atau 5 %. Seterusnya, banduanita yang mempunyai bilangan 9-12 adik-beradik adalah 4 orang atau 20 % dan bukan banduanita pula terdapat seramai 6 orang atau 30 % iaitu melebihi 2 orang atau 10 % dari banduanita. Namun begitu keadaan berbeza berlaku dilihat pada banduanita di mana terdapat seorang banduanita atau 5 % mempunyai bilangan adik-beradik seramai 16 orang, di mana di pihak bukan banduanita tidak terdapat individu yang mempunyai jumlah adik-beradik tersebut.

Jadi, secara keseluruhan adalah sukar untuk diperkatakan bahawa salah satu sebab terdorongnya individu untuk melakukan penyelewengan adalah kerana mempunyai bilangan adik-beradik yang ramai menyebabkan terdapatnya perasaan keterasingan seperti yang diperkatakan oleh Merton di dalam teori Anomie dan kelonggaran ikatan di dalam pertalian keluarga yang disarankan pula oleh Hirschi, di mana beliau mengatakan bahawa ;

"... a child will receive fewer hours of parental attention in a large family because a parent's attention in a large family will be <sup>divided</sup> among more children". ( Conklin J.E.; 1981 : 233)

Jika dilihat dari jadual-jadual di atas, terdapat persamaan bilangan atau peratusan di antara tiga kumpulan sasaran iaitu banduan, bukan banduan dan bukan banduanita, di mana ini menunjukkan tidak berlaku penyelewengan di kalangan bukan banduan dan bukan banduanita walaupun keadaan jumlah adik-beradik adalah sama dengan banduan lelaki. Walaupun pada pihak banduanita terdapat sejumlah 5 % yang mempunyai bilangan adik-beradik seramai 16 orang tetapi banduanita yang mempunyai bilangan adik-beradik di antara 1-4 orang adalah 25 % sahaja berbanding dengan 3 kumpulan lain di atas yang hanya mempunyai jumlah 15 % sahaja. Jadi di sini, tidak dapat dikatakan bahawa individu yang mempunyai jumlah bilangan adik-beradik yang ramai lebih terdorong untuk melakukan penyelewengan disebabkan kurang perhatian dan kasih-sayang serta rasa keterasingan.

Untuk menentukan kebenaran teori Hirschi dan Merton ke atas ikatan kekeluargaan yang memberi kesan pada individu dalam peneguhan konsep diri, kita lihat pula kadar perhubungan di antara individu dengan ibu bapa.

Jadual 4.1 (b-i) Hubungan Individu dengan Ibu Bapa. (L)

Kadar	Banduan %	Bukan Banduan %
Mesra	- -	18 (90)
Sangat Mesra	1 (5)	2 (10)
Kurang Mesra	18 (90)	- -
Tidak Mesra	1 (5)	- -
	20 (100)	20 (100)

Jadual di atas menunjukkan pada perhubungan individu dengan ibu bapa. Jadual memperlihatkan bahawa terdapat 18 orang atau 90 % bukan banduan mempunyai hubungan yang mesra dengan ibu bapa masing-masing tetapi di pihak banduan tidak terdapat individu yang mesra pula dengan ibu bapa. Perhubungan yang sangat mesra pula dengan ibu bapa, bagi pihak banduan hanya terdapat seorang sahaja, atau pun 5 %, manakala bukan banduan terdapat seramai 2 orang atau 10 %.

Perhubungan yang kurangmesra atau tidak mesra langsung dengan ibu bapa, tidak terdapat di kalangan bukan banduan, tetapi di pihak banduan menunjukkan sebilangan besar daripada mereka iaitu 18 orang atau 90 % ialah kurang mesra dan terdapat seorang atau 5 % yang tidak mesra langsung dengan ibu bapa.

Ini memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan besar di antara kadar perhubungan dan ikatan di antara individu banduan dan bukan banduan di mana di kalangan banduan sebahagian besar adalah kurang mesra dan tidak mesra dengan ibu bapa masing-masing iaitu 95 % daripada mereka tetapi di kalangan bukan banduan, 100 % adalah mesra dan sangat mesra.

Ini menunjukkan bahawa kemungkinan faktor pendorong individu melakukan penyelewengan adalah kerana kurangnya jalinan perhubungan dan ikatan yang erat di antara individu dan ibu bapa berdasarkan pada jadual 4.1 (bi).

Kita lihat pula bagaimana keadaannya di pihak wanita berdasarkan jadual di bawah ;

Jadual 4.1 (b.ii) Perhubungan individu dengan ibu bapa. (w)

Kadar	Banduanita %	Bukan Banduanita %
Mesra	7 (35)	15 (75)
Sangat Mesra	- -	15 (15)
Kurang Mesra	10 (10)	2 (10)
Tidak Mesra	3 (15)	-
	20 (100)	20 (100)

Daripada jadual, diperlihatkan bahawa hanya 7 orang atau 35 % banduanita sahaja yang mempunyai perhubungan yang mesra dengan ibu bapa berbanding dengan bukan banduanita yang mempunyai 15 orang atau 75 % di kalangan mereka mesra dengan ibu bapa masing-masing. Tidak terdapat banduanita yang sangat mesra dengan ibu bapa, tetapi di kalangan bukan banduanita terdapat 3 orang atau 15 % daripada mereka yang sangat mesra dengan ibu bapa.

Dilihat pula pada perhubungan yang kurang mesra, 10 orang atau 50 % iaitu sebahagian daripada banduanita yang kurang mesra dengan ibu bapa, tetapi di kalangan bukan banduanita pula hanya 2 orang atau 10 % sahaja. Perhubungan yang tidak mesra langsung, terdapat sejumlah 3 orang banduanita yang tidak mesra dengan ibu bapa, tetapi di pihak bukan banduanita tidak terdapat seorang pun.

Jadi jelas kepada kita, dari kedua-dua jadual, menunjukkan perhubungan yang kurang mesra atau tidak mesra langsung di antara individu dengan ibu bapa memberi kesan pada sikap individu yang menyebabkan rasa

keterasingan dan kurang perhatian daripada ibu bapa, yang seterusnya mendorong individu tersebut ke arah penyelewengan, sebagaimana yang di tekan kan oleh John Conklin di dalam menyokong pendapat Hirschi iaitu ;

"... crime seems to be more common in societies in which people have less contact and less identification with their parents during their childhoods". (Conklin J.E.; 1981 : 233)

Jadi sosialisasi oleh ibu bapa adalah penting di dalam menghindarkan anak-anak untuk melakukan penyelewengan seterusnya menjadi penjenayah, dengan memberikan perhatian berat serta menjalinkan perhubungan mesra dan erat dengan anak-anak agar mereka tidak merasakan diri mereka tidak dihargai tetapi penting kepada kedua ibu bapa.

#### 4.1.1. Faktor pepecahan keluarga.

Terlalu banyak pengkajian yang dijalankan memperlihatkan bahawa faktor pepecahan keluarga sebagai penyebab utama kepada berlakunya penyelewengan di kalangan kanak-kanak atau 'juvenile' seterusnya menjadi penjenayah setelah masuk ke tahap dewasa. 'Broken homes' atau pepecahan peranan keluarga ini dilihat dari berbagai segi dan sebab seperti kematian ibu bapa, perceraian, pelarian, perpisahan dan keluarga illegitimasi.

Pata sosiologist berpendapat bahawa pepecahan keluarga adalah lebih memberi kesan di kalangan remaja perempuan dan 'preadolescent boys' daripada 'adolescent boys'. Kenyataan dilihat kerana 'adolescent boys' tidak mendapat penyelenggaraan yang sewajarnya dari pada ibu bapa sama ada mereka tinggal di dalam keluarga yang berpecah atau keluarga 'intact'. Tidak

seperti remaja perempuan dan preadolescent boys yang mendapat penyelempangan yang sempurna di dalam 'intact family' daripada keluarga yang berpecah. (broken family)

Di dalam keluarga yang berpecah peranannya seperti kematian ibu bapa, menyebabkan individu terlibat hilang 'father-figure' atau 'mother-figure' atau di mana iniboleh menyebabkan individu hilang tempat bergantung dan mengadu yang membawa kepada perasaan keterasingan dan hilang atau tidak dapat membuat pertimbangan yang sewajar yang dapat diterima oleh norma-norma yang telah ditentukan oleh masyarakat.

Walau bagaimanapun, bukan sahaja kematian ibu atau bapa atau kedua-duanya, membawa kepada penyelewengan oleh individu, tetapi pepecahan keluarga seperti perceraian, perpisahan atau pelarian ibu atau bapa boleh menyebabkan individu kehilangan 'father-figure' atau 'mother-figure'.

Jadi di sini, kita cuba melihat adakah faktor-faktor pepecahan keluarga ini adalah pendorong bagi individu tertentu melakukan penyelewengan.

Jadual 4.1.1. (a.i) Kematian ibu atau bapa.

Responden	Bapa		Ibu	
	Ada %	Tiada %	Ada %	Tiada %
Banduan	15 (75)	5 (25)	19 (95)	1 (5)
Bkn. Banduan	17 (85)	3 (15)	18 (90)	2 (10)

Jadual di atas menunjukkan bahawa 75 % daripada banduan masih mempunyai bapa dan 95 % mempunyai ibu. Ini bermakna sebahagian besar daripada banduan tersebut masih mempunyai ibu dan bapa ; hanya 25 % daripada mereka yang

dan 5 % pula tiada ibu. Berbanding dengan bukan banduan, yang mempunyai bapa adalah 85 % dan tiada pula hanya 15 %. Manakala yang masih mempunyai ibu adalah sejumlah 90 % dan tiada ibu pula 10 % iaitu lebih 5 % daripada banduan yang tiada ibu dan kurang 10 % daripada banduan yang tiada bapa. Jadi secara keseluruhannya, tidak terdapat perbezaan yang besar jumlah tiada bapa dan ibu di antara banduan dan bukan banduan. Dengan ini, apa yang menjadi persoalan mengapa para banduan tersebut terlibat di dalam penyelewengan manakala bukan banduan tidak terlibat. Dengan ini tidak dapat dikatakan bahawa ketiadaan ibu atau bapa adalah faktor pendorong kepada individu untuk terjerumus ke arah penyelewengan.

Sekarang, kita lihat pula di kalangan wanita sama ada faktor pepecahan keluarga ini adalah pendorong kepada individu untuk melakukan penyelewengan.

Jadual 4.1.1. (a) Kematian ibu atau bapa. (Wanita)

Responden	Bapa		Ibu	
	Ada %	Tiada %	Ada %	Tiada %
Banduanita	15 (75)	5 (25)	16 (80)	4 (20)
Ekn. B'nita.	16 (80)	4 (20)	16 (80)	4 (20)

Jadual menunjukkan bahawa hanya terdapat perbezaan yang amat kecil di antara jumlah ketiadaan bapa di antara banduanita dengan bukan banduanita iaitu di pihak banduanita terdapat 75 % yang masih mempunyai bapa dan 25 % yang tiada bapa, ini berbeza sedikit sahaja jika di bandingkan bukan banduanita yang mempunyai bapa terdapat sejumlah 80 % dan 20 % lagi

tiada bapa. Jadi sebahagian besar daripada banduanita dan juga bukan banduanita masih mempunyai bapa.

Mansakala, ketiadaan ibu pula, di antara banduanita dan bukan banduanita mempunyai jumlah peratusan yang sama iaitu, 80 % masih mempunyai ibu dan hanya 20 % yang tidak mempunyai ibu. Ini juga menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada banduanita dan bukan banduanita masih mempunyai ibu.

Jadi dilihat dari jadual yang menunjukkan terdapat persamaan keadaan di antara kodua-dua banduanita dan bukan banduanita, tidak dapat dikatakan bahawa ketiadaan ibu atau bapa merupakan faktor pendorong bagi individu untuk melakukan penyelewengan sama ada di pihak remaja lelaki mahu pun remaja perempuan yang seterusnya melibatkan mereka melakukan penyelewengan di peringkat umur dewasa.

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa kehadiran ibu dan bapa di kalangan individu tidaklah menjadi penting jika peranan yang mereka patut lakukan di dalam proses mensosialisasikan individu tidak berkesan. Malah sikap ibu bapa yang ditunjukkan atau ditonjolkan pada individu itulah yang penting dan utama dalam memberi dan menyemai nilai-nilai positif pada individu sesuai dengan kehendak-kehendak norma yang ditentukan oleh masyarakat. Ini ditekankan oleh John E. Conklin yang mengatakan bahawa ;

" Parental attitudes and behavior may produce an "empty shell family", one that is structurally intact in that both parents are physically present in the home but that involves limited or conflictive interaction between parents and between parents and their children".  
(Conklin J.E.; 1981 : 234)

Ini bermakna kehadiran ibu bapa di kalangan individu tidak memberi erti jika kehadiran tersebut memperlihatkan hubungan yang tegang atau berkonflik di antara ibu bapa itu sendiri atau di antara ibu bapa dan individu yang merenggangkan pertalian di antara pihak ibu bapa dengan anak-anak yang boleh membawa kepada sikap memberontak atau membantah seperti yang dikatakan oleh Merton di dalam teori anomie berkenaan dengan konsep 'rebellion'. Jadi ini berbalik kepada faktor kemesraan yang terjalin di antara individu dengan ibu bapa adalah penting untuk menghindarkan individu melakukan penyelewengan.

Seterusnya, kita lihat pula lain-lain faktor pendorong ke arah penyelewengan disebabkan oleh pepecahan keluarga dari segi perceraian di antara ibu bapa dan perpisahan.

Jadual 4.1.1. (b.i) Perceraian dan perpisahan ibu bapa.

Responden	Pepecahan	
	Perceraian %	Perpisahan %
Banduan	5/20 (25%)	-
Ekn. Banduan	-	-

Jadual menunjukkan kes perceraian di antara ibu bapa hanya berlaku di kalangan banduan sahaja, manakala di pihak bukan banduan tidak terdapat kes tersebut. Kes perpisahan di antara kedua ibu bapa tidak terjadi di kedua-dua belah pihak. Kes perceraian yang berlaku pada ibu bapa banduan adalah sejumlah 25% sahaja. Ini merupakan satu jumlah yang kecil tetapi mungkin dapat diperkatakan bahawa kes perceraian menjadi faktor pendorong kepada penyelewengan di kalang sejumlah 25% banduan tersebut.

Walaubagaimanapun, kita lihat pula keadaannya di kalangan wanita adakah pepecahan famili sebagai faktor pendorong bagi mereka terlibat di dalam penyelewengan.

Jadual 4.1.1. (b.ii) Perceraian dan perpisahan ibu bapa (W)

Responden	Pepecahan	
	Perceraian %	Perpisahan %
Banduanita	4/20 (20%)	2/20 (10%)
Bkn. B'nita	1/20 ( 5%)	1/20 ( 5%)

Jadual menunjukkan bahawa terdapat lebih ramai banduanita yang mempunyai ibu bapa yang mengalami perceraian iaitu 20 % berbanding dengan bukan banduanita yang hanya terdapat sebanyak 5 % sahaja. Manakala banduanita yang ibu bapa mereka telah berpisah ialah sebanyak 10 % iaitu lebih ramai daripada bukan banduanita yang hanya terdapat sebanyak 5 % sahaja. Walaubagaimana peratusan tersebut masih merupakan jumlah yang kecil untuk menguatkan pendapat bahawa individu yang datang daripada keluarga yang berpecah-belah lebih terdorong untuk melakukan penyelewengan, sebagaimana yang dikatakan oleh Hirschi dan Merton di dalam mengemukakan teori-teori mereka bagi menghuri sebab-sebab individu terdorong untuk melakukan penyelewengan.

Apa yang lebih penting di dalam menghindarkan individu dari melakukan penyelewengan ialah perhatian berat yang ditumpukan oleh ibu bapa kepada anak-anak, tidak semestinya melalui kehadiran mereka secara fizikal tetapi melalui curahan kasih-sayang serta monekankan kepada individu

bahawa di antara individu dan ibu bapa berkenaan ujud hubungan dan pertalian erat serta ikatan jalinan perasaan yang kuat. Ini ditegaskan oleh Conklin dengan mengatakan;

"... the most important factor in determining whether a child will become a delinquent is the cohesion of the family and the quality of interpersonal relationships within the family."  
(Conklin J.E.; 1981 : 235)

Beliau seterusnya menekankan lagi kepentingan jalinan pertalian erat di antara individu dan ibu bapa dengan menyebut ;

" Attachment of the child to a caring parent and supervision of the child by the parent are more important in the prevention of delinquency than the presence of two parents in the home." (Conklin J.E.; 1981 : 235)

#### 4.1.2. Penekanan Disiplin oleh Keluarga.

Penerapan nilai-nilai disiplin oleh keluarga terutama oleh ibu bapa adalah salah satu cara yang sering ditumpukan serta diberatkan di dalam pengawalan ibu bapa terhadap anak-anak. Di dalam menerapkan nilai-nilai disiplin terhadap individu, berbagai cara digunakan dan ia berbeza di antara kelas-kelas sosial di dalam kumpulan masyarakat. Di mana sering ditekankan oleh para ahli sosiologi bahawa keluarga kelas bawahan mengenaikan disiplin yang keras terhadap anak-anak seperti mendera, mendenda iaitu lebih kepada deraan secara 'fizikal contact' daripada menggunakan jalan perbincangan secara berdiplomasi seperti memberi nasihat yang lebih diamalkan oleh golongan atasan.

Terdapat pembelajaran yang mengatakan bahawa "defective discipline" iaitu kekerasan disiplin lebih jelas dan sering terdapat di kalangan para penyeleweng yang dikenakan oleh ibu bapa. Defective discipline ini boleh didefinasikan kepada tiga peringkat iaitu :-

- i. excessively strict parental control over children (lebih mendorong ketegangan hubungan).
- ii. excessively lenient control (lebih mendorong kepada perasaan dendam)
- iii. virtually nonexistent discipline (mendorong kepada hilang pertimbangan di kalangan individu).

(Conklin J.E.; 1981 : 233).

Jadi, pengenaan disiplin secara deraan oleh ibu bapa pada setengah-setengah pendapat mengatakan bahawa ia boleh mendorong individu atau kanak-menjadi lebih agresif serta besar kemungkinan melakukan penyelewengan. Ini dinyatakan oleh Merton di dalam teori Anomie di mana individu yang tidak dapat mencapai goals akan melakukan tindakan agresif seperti yang diterangkan di dalam aspek 'Rebellion'.

Di dalam pengkajian kali ini kita akan lihat sama ada individu yang mengalami tekanan disiplin yang keras terdorong kearah penyelewengan seterusnya.

Jadual 4.1.2. (a.i) Denda kesalahan.

Denda	Banduan %	Bukan Banduan %
Dera	14 (70%)	2 (10%)
Marah	2 (10%)	3 (15%)
Nasihat	4 (20%)	15 (75%)
	20 (100%)	20 (100%)

Jadual menunjukkan bahawa lebih ramai iaitu 70 % daripada banduan yang dikenakan deraan oleh ibu bapa apabila melakukan kesalahan, berbandingan dengan bukan banduan yang sebahagian besar daripada mereka iaitu 75 %, hanya diberi nasihat oleh ibu bapa masing-masing jika melakukan kesalahan.

Dengan ini, dapat dikatakan bahawa deraan keras yang dikenakan oleh ibu bapa ke atas individu berkenaan menyebabkan individu terlibat menjadi lebih agresif iaitu bertindak secara rebellion di dalam proses menyesuaikan keadaan diri mereka dengan tindakan yang dilakukan oleh ibu bapa secara kekerasan terhadap individu.

Pada hakikatnya, kita lebih mengetahui bahawa pada kebiasaannya kanak-kanak lelaki adalah lebih agresif di dalam tindakbalas mereka terhadap sesuatu keadaan. Maka tidak hairanlah jika mereka lebih terdorong untuk melakukan penyelewengan akibat deraan tersebut.

Kita lihat pula keadaanya di kalangan wanita pula.

Jadual 4.1.2. (a.ii) Denda kesalahan (W)

Denda	Banduanita %	Bkn. B'nita %
Dera	5 (25%)	4 (20%)
Marah	13 (65%)	5 (25%)
Nasihat	2 (10%)	11 (55%)
	20 (100%)	20 (100%)

Jadual menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada banduanita

iaitu 65 % dimarahi oleh ibu bapa jika melakukan kesalahan dan 25 % didera pula. Ini merupakan satu kekerasan di dalam mendidik individu tersebut oleh ibu bapa yang mana membawa kepada tindakbalas yang negatif oleh individu yang memberontak terhadap cara didikan ibu bapa tersebut. Jalan yang mereka ambil ialah dengan melakukan penyelewengan sebagai satu cara melepaskan tekanan perasaan.

Keadaan ini berbeza jika dibandingkan dengan cara didikan ibu bapa kepada bukan banduanita yang sebahagian besarnya iaitu 55 % hanya menasihati individu yang melakukan kesalahan.

Dengan ini, bertambah jelas lagi bahawa didikan yang keras tanpa diplomasi oleh ibu bapa terhadap anak-anak merupakan faktor pendorong bagi anak-anak terlibat dengan penyelewengan sebagaimana yang disarankan oleh Hirschi dan Merton di dalam menghuraikan sebab-sebab individu mudah terdorong ke arah penyelewengan.

Seterusnya, kita lihat pula kadar kebebasan yang diberikan oleh ibu bapa kepada individu berkenaan. Ini dilihat sama ada kadar kebebasan tersebut merupakan salah satu sebab mengapa individu mudah terdorong kepada penyelewengan. Melalui kadar kebebasan yang diberi, akan dapat diteliti kadar kawalan serta perhatian yang diberikan oleh ibu bapa kepada individu.

Jadual 4.1.2. (b.i) Kadar Kebebasan (L)

Kadar	Banduan %	Bkn. Banduan %	
Terlalu	10 (50%)	8 (40)	
Sederhana	5 (25%)	8 (40)	
Terhad	5 (25%)	4 (20)	
Jumlah	20 (100%)	20 (100)	

Daripada jadual, kita mengetahui bahawa 50% iaitu setengah dari pada banduan tersebut adalah terlalu bebas, yang merupakan besar kemungkinan menyebabkan mereka lebih terdedah dan lebih mudah ter dorong melakukan penyelewengan. Berbanding dengan bukan banduan yang mana 40% sahaja mereka terlalu bebas, tetapi tidak pula terlibat di dalam penyelewengan.

Dilihat pula yang mendapat kebebasan yang terhad di kalangan banduan merupakan 25% mendapat kebebasan yang terhad daripada ibu bapa, berbanding dengan bukan banduan, mempunyai jumlah yang lebih sedikit iaitu 20% sahaja yang terhad kebebasannya.

Jadi, dapat dibuat kesimpulan bahawa keadaan individu yang terlalu bebas daripada kawalan ibu boleh mendorong individu melakukan penyelewengan. Tetapi, keadaan kebebasan yang terhad juga mendorong individu untuk melakukan penyelewengan kerana terlalu ditekan serta disekat kebebasan mereka, menyebabkan mereka lebih ghairah untuk melakukan sesuatu apabila mendapat peluang terutamanya perkara-perkara yang di luar norma-norma masyarakat.

Jadual 4.1.2. (b.ii) Kadar Kebebasan (W)

Kadar	Banduanita %	Bkn. B'nita %
Terlalu	7 (35)	4 (20)
Sederhana	9 (45)	12 (60)
Terhad	4 (20)	4 (20)
Jumlah	20 (100)	20 (100)

Jadual memperlihatkan bahawa terdapat sebilangan yang besar juga banduanita yang terlalu bebas iaitu 35 % berbanding dengan bukan banduanita yang hanya 20 % sahaja daripada mereka yang mendapat kebebasan mutlak. Ini menunjukkan bahawa kebebasan yang mutlak ini memudahkan lagi individu untuk terdorong ke arah penyelewengan jika tidak dapat memperseimbangkan dan menilai kebebasan yang diberikan tersebut secara berfaedah dan wajar. Berbanding dengan golongan bukan banduanita yang menunjukkan terdapat di antara mereka yang mempunyai kebebasan mutlak tetapi individu-individu berkenaan tidak terlibat di dalam jenayah atau penyelewengan.

Walau pun pada jadual menunjukkan sebahagian besar iaitu 60 % daripada bukan banduanita mempunyai kebebasan yang sederhana, di pihak banduanita juga menunjukkan sebahagian besar daripada mereka iaitu 45 % mempunyai kebebasan yang sederhana tetapi terlibat di dalam penyelewengan. Dilihat pula pada kebebasan yang terhad, terdapat persamaan jumlah peratusan iaitu 20 % daripada kedua-dua pihak diberi kebebasan yang terhad oleh ibu bapa. Ini menunjukkan kadar kebebasan bukan faktor utama tetapi bagaimana kebebasan tersebut diguna dan dipertimbangkan.

Secara umum, melalui data-data atau jadual yang telah di hurai serta dibincangkan, didapati bahawa keluarga tetap merupakan institusi yang terpenting di dalam membentuk nilai-nilai peribadi yang positif terhadap individu, seterusnya merupakan institusi yang menghalang atau mengawal individu dari terdorong kepada kesanggupan untuk melakukan jenayah dan penyelewengan.

Walaupun terdapat data-data yang menunjukkan bahawa keujudan keluarga itu bukanlah faktor terpenting lagi mengelak individu dari terdorong melakukan penyelewengan, tetapi apa yang penting ialah rasa pertalian di antara satu sama lain di dalam anggota keluarga serta perasaan saling perlu memerlukan atau pengantungan itulah yang mesti dititikberatkan bagi mengujudkan perhubungan erat atau attachment seperti yang disarankan oleh Hirschi. Pada hakikatnya ini adalah untuk mengelak individu dari mengalami keterasingan di dalam proses 'conformity'nya dengan nilai-nilai dan kehendak konventional sebagaimana yang ditekankan oleh Merton. Ini ditegaskan lagi oleh Conklin dengan menyatakan ;

" The size and structure of the family are important, but what seems most important is the quality of relations between parents and children."

(Conklin J.E.; 1981 : 236)

## BAB 5

FAKTOR EKONOMI DAN SOSIALDI DALAM PERLAKUAN JENAYAH

Di dalam bahagian ini pula, kita akan lihat bagaimana faktor-faktor ekonomi dan sosial secara amnya merupakan pendorong utama bagi individu untuk melakukan jenayah dan penyelewengan. Kita sering disogokkan oleh pendapat yang menyatakan bahawa jenayah khususnya kes-kes rompakan, samun, peras ugut dan seumpamanya adalah disebabkan oleh ketidakupayaan individu terlibat memperolehi apa yang dikehendakinya melalui cara yang positif iaitu yang telah ditetapkan oleh norma-norma yang ditentukan oleh masyarakatnya.

Sebagaimana yang ditekankan oleh Merton di dalam teori Anomienya bagi menerangkan faktor-faktor utama penyelewengan berlaku, mengatakan bahawa individu terlibat di dalam penyelewengan adalah mereka yang tidak dapat mencapai kehendak serta keperluan secara yang telah disahkan oleh masyarakat. Pada dasarnya, pendekatan yang digunakan oleh Merton adalah berdasarkan ;

" on a distinction between culturally defined goals and the norma that regulated the means to achieve those goals."

(Conklin J.E.; 1981 : 191)

"Goals" atau matlamat utama ini adalah dimaksudkan sebagai satu nilai dan kepentingan bagi sesebuah masyarakat yang meletakkannya sebagai "legitimate objectives" bagi seluruh ahli di dalam masyarakat tersebut. 'Goals' tersebut adalah merupakan matlamat terhadap kekayaan dan kuasa.

Masyarakat pula berpendapat bahawa ;

"... everyone can have the same high ambition,  
and that failure to achieve social goals is  
the fault of the individual rather than the  
fault of the social system ;...."  
(Conklin J.E.; 1981 : 191)

Jadi di sini masyarakat meletakkan kesalahan terhadap individu jika gagal mencapai goals tersebut secara legitimate. Ini merupakan satu nilai yang tidak seimbang di mana tidak semua anggota masyarakat memperolehi dan mempunyai keupayaan yang telah ditetapkan oleh masyarakat, iaitu secara "institutionalized means" untuk mencapai goals tersebut. Dengan ini, kita lihat apakah sebab-sebab sebenar berlakunya penyelewengan dari segi ekonomi atau lebih jelas lagi punca utama terdorongnya individu untuk melakukan jenayah atau penyelewengan adalah disebabkan tidak dapat mencapai goals (kekayaan dan kuasa) secara yang telah ditetap dan diterima oleh norma-norma masyarakat.

#### 5.1. Faktor Sosio-ekonomi.

Jadual 5.1 (a.i) Karier. (L)

Karier	Banduan %	Ekn. Banduan %	
Bekerja	18 (90%)	10 (50%)	
Belajar	- -	10 (50%)	
Menganggur	2 (10%)	- -	
JUMLAH		20 (100%)	20 (100%)

Walau pun jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat 10 % daripada banduan ada penganggur, tetapi kenyataan ini belum dapat dikatakan sebagai bukti yang menunjukkan masalah pengangguran merupakan faktor pendorong bagi individu untuk melakukan penyelewengan. Ini memandangkan bahawa sebahagian besar iaitu 90 % daripada banduan tersebut mempunyai pekerjaan tetapi masih terlibat di dalam jenayah dan penyelewengan.

Jadual 5.1. (a.ii)

Karier (W)

Karier	Banduanita %	Bkn. Banduanita %
Bekerja	14 (70%)	8 (40%)
Belajar	- -	9 (45%)
Menganggur	6 (30%)	3 (15%)
JUMLAH	20 (100%)	20 (100%)

Daripada jadual yang ditunjukkan di atas, memperlihatkan satu keadaan yang berbeza daripada golongan lelaki. Di kalangan banduanita terdapat 30 % yang menganggur, begitu juga di kalangan bukan banduanita terdapat 15 %, tetapi mereka tidak terlibat di dalam penyelewengan. Secara keseluruhannya, sebahagian besar daripada banduanita iaitu 70 % adalah bekerja. Berbanding dengan bukan banduanita yang hanya 40 % sahaja yang bekerja dan selebihnya (45%) masih belajar.

Jadi, adalah masih tidak jelas lagi bahawa pengangguran merupakan satu faktor pendorong bagi berlakunya penyelewengan dimana menunjukkan bahawa individu yang tidak berkeupayaan mencapai goals secara 'institutionalized means' masih tidak dapat dibuktikan keshihannya.

Walaubagaimanapun, kita lihat pula pada jenis-jenis pekerjaan individu, di mana menurut pendapat Merton, jenayah dan penyelewengan begitu tinggi kadarnya berlaku di kalangan masyarakat kelas bawahan dan pekerja-pekerja yang mempunyai pendapatan rendah.

Jadual 5.1. (b.i) Pekerjaan sebelum dihukum.

	Kerajaan				Syarikat				Kontrek			
	M	C	I	L	M	C	I	L	M	C	I	L
BD	21		2	1	46	31	27	3	35	73	39	4
BM					5	4	2		5	1		
JUM:	21		2	1	51	35	29	3	35	78	40	4

	Sendiri				Tidak Bekerja			
	M	C	I	L	M	C	I	L
BD	48	8	8	3	14	3	2	
BM	2				1			
JUM:	50	8	8	3	15	3	2	

Jadual menunjukkan kategori-kategori pekerjaan yang dilakukan oleh para banduan sebelum dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Terdapat 6.2% daripada banduan tersebut bekerja dengan pihak kerajaan. Besar kemungkinan mereka ini merupakan pekerja-pekerja bawahan dengan pendapatan yang juga rendah. Ini mengakibatkan mereka merasai masih belum terjamin dengan pendapatan yang ada, tetapi tidak berupaya memperolehi pendapatan yang lebih tinggi secara 'legitimate means' sebagaimana yang dikehendaki masyarakat, dan berusaha memperolehi 'goals' tersebut secara 'illegitimate'.

Begini juga dengan pekerja-pekerja syarikat, kontrek dan bekerja sendiri, berkemungkinan terlibat dengan jenayah dan penyelewengan kerana tidak dapat mencapai 'goals' secara 'legitimate'. Ini adalah kerana di kalangan para pekerja atasan juga berlaku penyelewengan yang berkait dengan pekerjaan mereka, iaitu apa yang diistilahkan sebagai 'white-collar crime'. Penyelewengan dan jenayah yang mereka lakukan biasanya adalah seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa, gelapkan wang syarikat dan sebagainya yang berkait dengan pekerjaan masing-masing.

Manakala banduan yang tidak bekerja pula terdapat sejumlah 5.2 %. Mereka ini berkemungkinan terlibat di dalam 'conventional crime' iaitu seperti kecurian, samun, rompakan dan lain-lain kerana tidak mempunyai pekerjaan sebagai satu alat untuk mencapai dan memperolehi 'goals' secara 'legitimate'.

Walau bagaimanapun, kita lihat bagaimana berkesannya faktor latar belakang pekerjaan ini mendorong individu melakukan penyelewengan dengan di buat secara perbandingan dengan pihak bukan banduan.

Jadual 5.1. (b.il) Jenis Pekerjaan (L)

	Banduan (%)	Bukan Banduan (%)
Formal	13 (72.2%)	20 (100%)
Informal	5 (28.8%)	- -
JUMLAH:	18 ( 200%)	10 (100%)

Jadual menunjukkan sebahagian besar daripada banduan adalah mempunyai pekerjaan secara formal iaitu 72.2 %. Pekerjaan-pekerjaan

tersebut adalah seperti attendan makmal, kerani bank, pekerja syarikat insuran, pelayan pejabat, kondaktor bus, Polis Perisik Khas, pekerja kilang penyelia dan penjaga stor, kaji bumi, pelukis dan jurujual di kedai barang-barang kulit. Manakala banduan yang bekerja secara tidak formal (informal) pula kesemuanya berniaga di gerai-gerai makanan.

Di kalangan bukan banduan, kesemuanya adalah bekerja secara formal iaitu termasuklah sebagai kerani bank, tukang jahit, kerani dan pekerja di bengkel perabut.

Jadi di sini, kita dapati walaupun keseluruhan pihak bukan banduan bekerja secara formal dan terdapat 27.8 % daripada banduan bekerja secara informal, tetapi kedua-dua pihak adalah datangnya daripada ahli-ahli masyarakat kelas rendah yang mempunyai pekerjaan-pekerjaan yang rendah iaitu pekerja-pekerja bawahan. Persoalannya, mengapa di pihak banduan terlibat di dalam penyelewengan manakala di sebelah pihak lagi tiada yang terlibat.

Jadi di sini jelas kepada kita, bahawa faktor mempunyai pekerjaan yang rendah tarafnya bukanlah pendorong kepada penyelewengan. Di mana sebagaimana yang disebutkan oleh Merton bahawa pekerja-pekerja daripada kelas bawahan lebih ramai terlibat di dalam penyelewengan.

Jadual 5.1. (b.ii) Jenis Pekerjaan (W)

Jenis	Banduanita (%)	Bkn. B'nita (%)
Formal	12 (85.7)	7 (87.5)
Informal	2 (14.3)	1 (12.5)
JUMLAH	14 (100.0)	8 (100.0)

Di lihat pula pada jadual bagi golongan wanita, sebahagian daripada mereka adalah bekerja secara formal. Bagi banduanita, pekerjaan yang mereka lakukan adalah seperti pembantu rumah, bekerja di salun, kilang, penari kelab malam, jurujual dan telefon operator di hotel.

Bagi pihak bukan banduanita, pekerjaan-pekerjaan yang dilakukan adalah seperti pekerja kilang, jurutaip, attendant pejabat, kerani, guru dan ahli kimia ubat. Yang bekerja secara tidak formal pula bagi kedua-dua pihak ialah membuka gerai makanan iaitu berniaga sendiri.

Di sini terdapat perbezaan pekerjaan-pekerjaan yang dilakukan oleh banduanita berbanding dengan bukan banduanita. Di kalangan banduanita pekerjaan-pekerjaan mereka seperti penari kelab malam, iaitu seramai 5 orang atau 35.7 % daripada jumlah yang bekerja secara formal, bekerja sebagai jurujual, telefon operator di Hotel Dayang dan juga bekerja di salun yang juga merupakan 'social escort' sebagai pekerjaan tambahan, lebih mendedahkan mereka kepada faktor-faktor pendorong penyelewengan. Pergaulan mereka adalah lebih bebas iaitu tiada hadnya serta menjalani kehidupan yang begitu sosial.

Dengan ini, kita dapati jika dibandingkan dengan jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan oleh bukan banduanita seperti guru, ahli kimia ubat, jurutaip, kerani dan sebagainya tidak begitu mendedahkan mereka kepada kehidupan sosial yang begitu luas.

Seturusnya kita lihat pula dari segi pendapatan ataupun hasil yang diterima dari pekerjaan yang dilakukan. Ini adalah kerana faktor kewangan sering dikaitkan dengan penjenayah terutama jenayah seperti rompakan, peras ugut, samun, kecurian dan seumpamanya.

Begitu banyak pendapat yang mengatakan bahawa individu yang mempunyai pendapatan yang rendah sering ter dorong untuk melakukan penyelewengan bagi memenuhi kehendak-kehendak iaitu goals yang digalakkan oleh masyarakat, tetapi tidak berjaya atau tidak berupaya memperolehinya secara 'institutionalised means' dalam usaha mendapatkan kemewahan dan kekuasaan.

Jadual 5.1. (c.i) Pendapatan (L)

Pendapatan (\$)	Banduan (%)	Bkn. Banduan	%
200 - 399	7 (38.9)	4	(40)
400 - 599	7 (38.9)	5	(50)
600 - 799	3 (16.7)	1	(10)
800 —	1 (5.5)	-	-
<b>JUMLAH:</b>	<b>18 (100.0)</b>	<b>10</b>	<b>(100)</b>

Daripada jadual, jelas kepada kita bahawa pendapatan bukanlah merupakan faktor pendorong bagi individu terjerumus ke dalam penyelewengan. Ini dilihat bahawa terdapat lebih ramai jumlah bagi pihak bukan banduan yang memperolehi pendapatan rendah iaitu 40 % daripada mereka berpendapatan di antara \$200/= - 399/= berbanding dengan banduan yang berjumlah 38.9 % sahaja.

Bagi yang berpendapatan tinggi pula, lebih ramai banduan yang memperolehi pendapatan di antara \$600/= - \$799/= iaitu 16.7 % berbanding dengan di kalangan bukan banduan yang hanya terdapat 10% dahaja. Manakala yang berpendapatan melebihi \$800/= pula hanya terdapat di kalangan banduan sahaja iaitu 5.5 % daripada mereka.

Jadi jelas kepada sekali lagi bahawa pendapatan hendak bukanlah faktor pendorong penyelewengan.

Walaubagaimana pun faktor ini diteliti pula pada pihak wanita, sama ada faktor pendapatan rendah tersebut mendorong mereka untuk melakukan penyelewengan bagi memperolehi pendapatan yang lebih tinggi secara 'illegitimate means'.

Jadual 5.1. (c.ii) Pendapatan (W)

Pendapatan (\$)	Banduanita %	Ekn. B'nita %
100 - 299	9 (64.4)	- -
300 - 499	1 (21.4)	3 (37.5)
500 - 699	1 (7.1)	3 (37.5)
700 - 899	1 (7.1)	1 (12.5)
900 - 1099	- -	- -
1100 - 1299	- -	1 (12.5)
JUMLAH:	14 (100.0)	8 (100.0)

Jadual di atas memperlihatkan satu keadaan yang berbeza di antara golongan wanita dan golongan lelaki. Jadual menunjukkan sebahagian besar daripada banduanita iaitu 64.4 % adalah berpendapatan rendah di antara \$100/- - \$299/=. Manakala di pihak bukan banduanita pula tidak terdapat di kalangan mereka yang berpendapatan sedemikian, tetapi terdapat yang berpendapatan melebihi \$1100/+ iaitu sejumlah 12.5 %.

Ini menunjukkan bahawa pendapatan rendah merupakan satu faktor yang mendorong individu berkenaan melakukannya penyelewengan terutamanya di pihak wanita yang lebih lemah daya ketahanannya di dalam menerima tekanan hidup dari segi ekonomi dan sosial keseluruhannya.

Sebagaimana yang diterangkan oleh Merton, bahawa individu yang gagal mencapai goals secara 'legitimate means' akan cuba mencapainya secara 'illegitimate means'. Merton mengemukakan 5 cara proses penyesuaian atau adaptasi oleh individu tertentu di dalam tindakbalasnya terhadap kogagal memenuhi salah satu daripada dua elemen atau perkara penting

yang disarankan oleh masyarakat. 5 cara proses penyesuaian tersebut ialah 'Conformity', 'Innovation', 'Ritualism', 'Retreatism', dan 'Rebellion' adalah cara-cara yang dilalui oleh individu yang memenuhi salah satu atau kedua-dua 'goals' dan 'means' secara legitimate iaitu disahkan oleh masyarakat.

Jadual 5.2. (a.i) PELAJARAN.

	Berpelajaran		Tiada Pelajaran		JUMLAH
	BD	BM	BD	BM	
Bah. Malaysia	139	8			147
Bah. Inggeris	90	4			94
Bah. China	83	7			90
Bah. Tamil	32	1			33
Lain Bahasa	-	-			-
JUMLAH:	344	20	24		388

Jadual di atas menunjukkan latarbelakang pelajaran para banduan iaitu Banduan Dewasa (BD) dan Banduan Muda (BM), yang ditahan di dalam penjara mulai pada bulan Julai, 1986. Latarbelakang pelajaran ini hanya diambil statistiknya berdasarkan aliran bahasa matapelajaran yang dipelajarinya di dalam persekolahan.

Dilihat, sebilangan besar banduan tersebut menerima pelajaran di sekolah hanya 6.2 % sahaja daripada banduan-banduan tersebut iaitu BM yang tiada pelajaran. Ini memungkinkan mereka terlibat di dalam jenayah dan peryelewengan akibat kurang atau tiada pertalian dengan persekolahan atau terpisah langsung dengan institusi kedua terpentingnya di dalam membentuk personaliti individu. Sebagaimana kata Hirschi di dalam teori anomienya,

berpendapat bahawa individu yang 'lack of attachment to school' lebih terdorong kepada penyelewengan.

Kita tinjau sejauhmana latarbelakang pelajaran secara lebih khusus mempengaruhi tindakan individu.

#### 5.2. Faktor Pendidikan.

Banyak pengkajian yang dilakukan telah mendapati bahawa jenayah dan penyelewangan sering berlaku di kalangan mereka yang mempunyai kelulusan yang rendah di bidang akademik dan mempunyai hubungan yang longgar dengan sekolah dan para guru. Sekolah dikatakan sebagai satu institusi penting di dalam proses kedewasaan seseorang atau lebih tepatnya adalah sebagai "apprenticeship to maturity". Walaubagaimanapun, jika tekanan akademik tersebut mengakibatkan kegagalan pada individu maka ia merasai bahawa sekolah adalah tidak perlu dan tidak penting untuk masa depan dan ini seterusnya mengakibatkan individu tersebut lebih mudah terdorong kepada penyelewengan.

Jadi, di sini kita akan melihat sejauhmana faktor akademik atau pendidikan ini memainkan peranan penting di dalam membantu individu agar tidak terlibat di dalam penyelewangan. Bidang pendidikan ini dilihat secara pendidikan sekular dan juga pendidikan dari segi agama di dalam pembentukan peribadi individu.

Jadual 5.2. (a.ii) Tingkat Pelajaran (L)

Pelajaran	Banduan %	Bkn.	Banduan %
Darjah 3-6	3 (15)	-	-
Ting. 1-3	8 (40)	1 (5)	
Ting. 4-5	5 (25)	5 (25)	
Ting. 6	1 (5)	6 (30)	
Institut	1 (5)	7 (35)	
Universiti	2 (10)	1 (5)	
JUMLAH:	20 (100)	20 (100)	

Jadual menunjukkan sebilangan besar daripada banduan mempunyai tingkat pelajaran di bawah dari tingkatan 5 iaitu kira-kira 80 %. Mana kala bagi pihak bukan banduan pula sebelingan besar mempunyai taraf pelajaran melebihi tingkatan 5 iaitu kira-kira 70 %. Walabagaimanapun, masih terdapat para banduan yang menerima pelajaran sehingga ke peringkat institusi dan universiti iaitu di peringkat universiti, melebihi 5 % daripada pihak bukan banduan tetapi telah melakukan penyelewengan. Begitu juga di pihak bukan banduan terdapat di kalangan mereka mencapai taraf pelajaran sehingga tingkatan 3 dan 5 iaitu 30 %.

Jadi, di sini adalah sukar bagi kita untuk menentukan bahawa tingkat penorimaan pendidikan di sekolah dapat menjamin seseorang agar tidak terlibat di dalam penyelewengan dan juga penerimaan pendidikan di sekolah di dalam jangka masa yang panjang serta tinggi dapat mengujudkan satu hubungan pertalian yang kuat di antara individu dan guru juga persekolahan seluruhnya.

Seterusnya kita lihat pula penglibatan di pihak wanita di dalam persekolahan.

## Jadual 5.2. (a.iii) Tingkat Pelajaran (W)

Ting. Pelj.	Banduanita %	Ekn. B'nita %
Darj. 1 - 3	1 (5)	- -
Darj. 4 - 6	6 (30)	- -
Ting. 1 - 3	5 (25)	3 (15)
Ting. 4 - 5	5 (25)	5 (25)
Ting. 6	1 (5)	6 (30)
Maktab	- -	1 (5)
Universiti	- -	4 (20)
Tidak Sekolah	2 (10)	1 (5)
JUMLAH:	20 (100)	20 (100)

Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa di kalangan banduanita kurang menerima pendidikan di sekolah, berbanding dengan di kalangan bukan banduanita, sebahagian besarnya menerima pendidikan di sekolah, di mana 55 % menerima pelajaran di tingkatan 6 sehingga universiti.

Dengan ini, jelaslah kepada kita bahawa di kalangan wanita, faktor kekurangan pendidikan dan hubungan dengan persekolahan lebih mendorong mereka untuk terjerumus ke arah penyelewengan berbanding di pihak lelaki.

Seterusnya, kita lihat pula penglibatan individu-individu di dalam aktiviti persekolahan iaitu aktiviti ko-kurikulum, untuk melihat sejauhmana mereka mempunyai ikatan dan pertalian yang kuat dengan persekolahan serta menaruh minat untuk bercampur-gaul di kalangan rakan-rakan sekolah serta guru-guru.

(94)

## Jadual 5.2. (b.i) Aktiviti Ko-Kurikulum. (L)

Aktiviti	Banduan	%	Bkn.	Banduan	%
Persatuan	13/20	65	18/20	90%	
Sukan	16/20	80	16/20	80%	
Tiada	2/20	10	1/20	5%	
JUMLAH:	20/20	100	20/20	100%	

Dari jadual di atas, pemperlihatkan bahawa pada keseluruhananya, baik bagi pihak banduan maupun bukan banduan, terlibat di dalam persatuan juga sukan sebagai aktiviti ko-kurikulum. Ini memberi erti bahawa di kalangan mereka ini, mempunyai pertalian erat dengan persekolahan, rakan-rakan serta guru-guru. Cuma persoalannya, mengapa di pihak banduan terlibat di dalam penyelewengan manakala di pihak bukan banduan tidak.

Ini bermakna faktor kelonggaran di dalam ikatan individu dengan persekolahan sebagai institusi pelapis kedewasaan individu adalah tidak nyata pada pihak lelaki. Jadi kita lihat pula faktor kelonggaran ikatan persekolahan ini di kalangan wanita pula.

## Jadual 5.2. (b.ii) Aktiviti Ko-Kurikulum (W)

Aktiviti	Banduanita	%	Bkn.	B'nita	%
Persatuan	11	(55)	13	(65)	
Sukan	7	(35)	16	(80)	
Tiada	9	(45)	3	(15)	
JUMLAH:					

Dilihat pula di kalangan wanita, hampir separuh daripada banduanita tidak terlibat di dalam aktiviti persekolahan iaitu 45 % daripada mereka. Berbeza daripada di kalangan bukan banduanita di mana hanya 15 % sahaja yang tidak terlibat di dalam aktiviti ko-kurikulum ini. Alasan mereka itu yang tidak terlibat di dalam sebarang aktiviti ini memberi alasan bahawa mereka tidak gemar bercampur dengan rakan-rakan dan lebih suka menyendiri atau hanya bercampur dengan rakan-rakan yang mempunyai sikap seperti mereka.

Jadi, di sini tidak dinafikan bahawa faktor kurang penglibatan individu di dalam aktiviti ko-kurikulum ini mengakibatkan kelonggaran ikatan di antara individu dengan rakan-rakan serta guru-guru ditambah pula dengan sikap lebih suka menjauhkan diri menyebabkan mereka lebih mudah terjerumus ke dalam jenayah dan penyelewengan.

Seterusnya, akan diteliti pula sikap individu terhadap pembelajaran. Di sini, akan ditinjau sejauhmana individu bersikap mementingkan pelajaran yang mana dengan sikap ini membolehkan individu benar-benar mengambil berat terhadap kemajuan pelajarannya, dan masa lapangnya banyak diisi dengan mengulangkaji pelajaran. Ini seterusnya mengelakkan individu tersebut dari mudah terjerumus ke arah penyelewengan disebabkan ikatannya yang kuat dengan pembelajaran.

Jadual 5.2. (c.i.) Sikap terhadap pelajaran (L)

Sikap	Banduan %	Bkn. Banduan %
Minat	10 (50)	14 (70)
Kurang Minat	4 (20)	3 (15)
Membosankan	6 (30)	3 (15)
JUMLAH:	20 (100)	20 (100)

Jadual menunjukkan terdapat keseimbangan sikap banduan terhadap pelajaran iaitu 50 % daripada mereka berminat terhadap pelajaran dan 50 % lagi menganggapkan pelajaran itu membosankan dan kurang minat. Bagi pihak bukan banduan pula, sebahagian besar daripada mereka berminat terhadap pelajaran.

Jadi secara keseluruhan, besar kemungkinan sikap individu tertentu terhadap pelajaran menentukan pula sama ada ia lebih mudah ter dorong ke arah penyelewengan atau tidak. Terdapat individu yang kurang berminat malah menganggap pelajaran sebagai membosankan, melakukan penyelewengan sebagai satu tindakbalas terhadap rasa tidak puashati dengan sistem pelajaran yang dianggap menekan mereka.

Jadual 5.2. (c.ii) Sikap terhadap pelajaran (W)

Sikap	Banduanita %	Bkn. B'nita %
Minat	5 (25)	12 (60)
Kurang Minat	7 (35)	6 (30)
Membosankan	8 (40)	2 (10)
JUMLAH:	20 (100)	20 (100)

Keadaan bertambah jelas dilihat pada jadual bagi pihak wanita, bahawa faktor kurang minat terhadap pelajaran mendorong individu tertentu ke arah penyelewengan. Sikap kurang minat atau menganggap pelajaran itu membosankan, menyebabkan individu lebih gemar melakukan kegiatan-kegiatan yang negatif di dalam memenuhi masa lapang. Mereka sentiasa lari daripada tanggungjawab mereka sebagai pelajar dan cuba melupakan masalah mereka di dalam pencapaian pelajaran dengan melakukan sesuatu yang di luar norma-norma masyarakat terutamanya bersama-sama dengan rakan-rakan yang bersikap seperti mereka juga.

Dengan ini adalah nyata sebagai mana yang disebutkan oleh Conklin bahawa ;

"... school achievement had an important and strong effect on the likelihood that an individual would engage in delinquent behavior."  
(Conklin J.E.; 1981 : 237)

Sekarang kita lihat pula ikatan individu dengan nilai keagamaannya di mana kekuatan keagamaan merupakan satu daya yang dapat menghindarkan

individu daripada melakukan penyelewengan. Pengetahuan dan didikan tentang agama dengan larangan-larangan tertentu serta dorongan-dorongan yang menyuruh penganutnya melakukan kebaikan adalah satu pegangan di dalam diri seseorang yang mengambil berat terhadap nilai diri serta menjauhkan diri dari melakukan kesalahan atau penyelewengan.

Sekarang kita lihat pula dari segi latarbelakang agama bagi jumlah keseluruhan banduan yang berada di Penjara Pusat Kajang pada akhir bulan Julai, 1986.

Jadual 5.2. (d.i) Agama.

Jenis Banduan	Islam	Buddha	Hindu	Kristian	lain	JUM.
Convicted	1493	994	492	46	40	3065
JUMLAH	1493	994	492	46	40	3065

Bilangan penganut dari segi agama ini adalah berkait dengan bilangan keturunan banduan iaitu banduan beragama Islam sebahagian besarnya adalah berketurunan Melayu, begitu juga dengan agama Budhha, ramai dianuti oleh bangsa China, Hindu penganutnya adalah golongan India, Kristian pula terdiri daripada 2 bangsa yang sering dikaitkan iaitu bangsa China dan India manakala lain-lain agama pula seperti Sikh dianuti oleh lain-lain warganegara Malaysia seperti keturunan Sikh atau Benggali.

Di sini kita lihat kesemua banduan tersebut mempunyai agama, yang merupakan satu pegangan hidup bagi individu yang mempercayai agama.

Durkheim di dalam kajian terhadap kes bunuh diri iaitu tulisannya bertajuk 'Suicide' mengaitkan faktor agama sebagai satu tekanan perasaan bagi penganutnya yang hilang pertimbangan. Di dalam kajian yang diperolehi dari data-data yang dikutip, menunjukkan penganut mazhab agama Kristian yang baru muncul iaitu agama protestant paling ramai membunuh diri.

Apa yang dapat diperkatakan di sini walaupun individu tersebut mempunyai agama, tetapi apa yang penting ialah memegang konsep agama tersebut di dalam membuat pertimbangan terhadap satu-satu perkara, di mana di dalam pertimbangan inilah menentukan sama ada individu tersebut terdorong untuk melakukan penyelewengan atau membatalkan niatnya tersebut.

Jadual 5.2. (d.ii) Sikap terhadap Agama (L)

Penganut Yang	Banduan %	Bkn. Banduan %
Alim	1 (5)	- -
Sederhana	14 (70)	17 (85)
Kurang	3 (15)	2 (10)
Ikut-Ikutan	1 (5)	- -
Tidak tahu	1 (5)	1 (5)
JUMLAH	20 (100)	20 (100)

Secara keseluruhan, jadual menunjukkan satu keadaan yang hampir serupa di antara banduan dan bukan banduan dari segi sikap mereka terhadap agama. Jadi adalah sukar untuk dipastikan bahawa pendirian atau pegangan ugama sesorang itu dapat mengelak dirinya dari terlibat di dalam penyelewengan kerana jika dilihat pada peratusan bukan banduan yang sebahagian besarnya hanya sederhana di dalam agama serta terdapat pula yang tidak tahu,

tetapi mereka tidak terlibat di dalam penyelewengan sebagaimana banduan.

Kita lihat pula bagaimana keadaannya di pihak wanita ;

Pengamuk Yang	Banduanita %	Ekn. B'nita %
Alim	- -	- -
Sederhana	5 (25)	15 (75)
Kurang	12 (60)	4 (20)
Ikut-ikutan	1 ( 5 )	- -
Tidak tahu	2 (10)	1 ( 5 )
JUMLAH:	20 (100)	20 (100)

Di kalangan pihak wanita, keadaannya adalah berbeza daripada pihak lelaki. Dilihat pada peratusan banduanita, sebahagian daripada mereka kurang di dalam pegangan agama iaitu sebanyak 75 % di antara banduanita, sebahagian besarnya iaitu 75 % adalah sederhana di dalam agama. Ini menunjukkan bahawa kekurangan di dalam pegangan agama bagi pihak wanita lebih mendorong mereka untuk melakukan penyelewengan akibat dari pengaruh-pengaruh luaran seperti pergaulan sosial serta lain-lainnya. Durkheim di dalam kajiannya mendapati bahawa ;

" intergration into an organized religion was related to low rates of suicide ; whether such ties also reduce the likelihood of crime and delinquency is unclear.  
(Conklin J.E.; 1981 : 238)

### 5.3. Ikatan Kemasyarakatan.

Setiap individu tidak dapat mlarikan diri dari hidup bermasyarakat,

kerana kehidupan ita dikelilingi oleh masyarakat. Masyarakat adalah amat penting di dalam membentuk sikap dan mengawal perlakuan individu secara tidak langsung. Individu yang rasional sering menilai penerimaan masyarakat di dalam setiap pergerakan dan perlakuannya, di mana baginya apa sahaja tindakan yang dilakukannya dapat diterima atau dipuji oleh masyarakatnya.

Jadi, hubungan dan ikatan individu adalah penting di dalam mengawal individu tersebut dari melakukan penyelewengan dengan mengerakan 'social stigma' atau 'social sanction' pada individu yang menyeleweng.

Di sini kita akan melihat sejauhmana ikatan kemasyarakatan ini dengan individu berkesan di dalam mengawal individu dari melakukan penyelewengan. Ikatan ini dilihat dari dua aspek iaitu perhubungan individu dengan masyarakat sekelilingnya secara am dan perhubungan individu dengan kumpulan sosial yang lebih khusus iaitu rakan-rakannya.

Ikatan atau perhubungan individu dengan masyarakatnya dilihat pula dari dua tempat iaitu perhubungannya dengan masyarakat di tempat asalnya dan perhubungan individu dengan masyarakat di tempat ia tinggal sekarang. Di sini kita meninjau faktor penolakan atau penerimaan individu terhadap masyarakat di mana faktor ini juga menentukan pilihan individu sama ada sanggup melakukan penyelewengan atau membatalkan niatnya untuk meneruskan niat kepada tindakan yang menyeleweng.

Jadual 5.3. (a.i) Ikatan Kemasyarakatan di tempat asal. (L)

Ikatan	Banduan %	Bkn. Banduan %
Kuat	5 (25)	6 (30)
Sederhana	5 (25)	12 (60)
Longgar	1 (5)	2 (10)
Tiada	9 (45)	- -
JUMLAH:	20 (100)	20 (100)

Daripada jadual dapat diketahui bahawa pada keseluruhannya, para banduan tidak mempunyai ikatan yang kuat dengan masyarakat sekelilingnya walaupun terdapat 25% daripada mereka yang kuat ikatannya dengan masyarakat tetapi sebahagian besarnya adalah tidak kuat atau tiada langsung. Berbanding dengan bukan banduan hanya 10% sahaja daripada mereka yang merasakan ikatan mereka dengan masyarakat adalah longgar. Keadaan ini adalah mungkin disebabkan oleh keadaan alam sekeliling di tempat asal para banduan iaitu 60% daripada adalah tinggal di kawasan bandar yang memungkinkan mereka tidak merasakan ikatan kemasyarakatan yang erat. Berbeza daripada bukan banduan di mana sebahagian besar daripada mereka iaitu 100% adalah tinggal di kawasan perkampungan, yang lebih memberatkan hubungan dan hidup bermasyarakat.

Kita tinjau pula, hubungan kemasyarakatan di pihak para wanita pula.

Jadual 5.3. (a.ii) Ikatan Kemasyarakatan di tempat asal (W)

Ikatan	Banduanita %	Bkn. B'nita %	
Kuat	- -	9 (45)	
Sederhana	8 (40)	11 (55)	
Longgar	8 (40)	- -	
Tiada	4 (20)	- -	
JUMLAH:	20 (100)	20 (100)	

Dilihat pula pada keadaan perhubungan kemasyarakatan dikalangan wanita, keadaannya adalah tidak jauh berbeza dengan pihak lelaki di mana sebahagian besar banduanita mempunyai ikatan yang tidak erat dengan masyarakatnya manakala bagi bukan banduanita sebahagian besar mempunyai ikatan yang erat dengan masyarakat sekeliling. Dilihat pula pada faktor keadaan di tempat asal, 60 % daripada banduanita tinggal di kawasan bandar dan bagi pihak bukan banduanita, 70 % daripada mereka tinggal di kawasan perkampungan sebagai tempat asal mereka.

Seterusnya, kita lihat pada perhubungan kemasyarakatan individu dengan kumpulan sosial di tempat ia berada sekarang ataupun bagi para pesalah atau penyeleweng di tempat di mana mereka melakukan penyelewengan.

Jadual 5.3. (b.i) Ikatan Kemasyarakatan di tempat sekarang (L)

Jadual 5.3. (b.i) Ikatan Kemasyarakatan di tempat sekarang (L)

Ikatan	Banduan %	Bkn. Banduan %
Kuat	- -	- -
Sederhana	2 (10)	11 (55)
Longgar	8 (40)	3 (15)
Tiada	10 (50)	20 (100)
JUMLAH:	20 (100)	20 (100)

Jadual menunjukkan sebahagian besar daripada banduan mempunyai ikatan yang longgar dengan masyarakatnya iaitu kira-kira 90 % daripada mereka. Ini berbeza daripada bukan banduan yang mempunyai ikatan dengan masyarakat walaupun sederhana tetapi merasai ikatan tersebut amat penting yang mempengaruhi corak tindakan yang mereka lakukan.

Jadi, secara langsung dapatlah kita ketahui bahawa, para pesalah ini terlibat di dalam penyelewengan disebabkan sikap mereka yang tidak memperdulikan pandangan masyarakat di dalam melakukan tindakan, malah mereka memberontak terhadap norma-norma yang ditetapkan oleh masyarakat umum dengan melakukan penyelewengan.

Seterusnya, kita teliti pula faktor ini terhadap wanita.

Jadual 5.3. (b.ii) Ikatan kemasyarakatan di tempat sekarang (W)

Ikatan	Banduanita %	Bkn. B'nita %
Kuat	- -	1 (5)
Sederhana	1 (5)	13 (65)
Longgar	5 (25)	- (30)
Tiada	14 (70)	- -
JUMLAH:	20 (100)	20 (100)

Dilihat pada keadaan perhubungan dengan masyarakat di kalangan wanita adalah lebih kurang dengan pihak lelaki. Di kalangan banduanita, 70 % daripada tiada ikatan dengan masyarakat dan 25 % pula merasai ikatan tersebut adalah longgar. Pada pendapat mereka masyarakat sekeliling mengongkong pergerakan dan perlakuan yang menjadi hak milik mereka sepenuhnya dan berpendapat mereka bebas untuk melakukan apa sahaja yang mereka sesuai dengan kehendak mereka dan masyarakat tidak perlu ambil tahu tentang hal tersebut. Ini ditambah pula dengan keadaan tempat tinggal mereka sebahagian besarnya iaitu 70 % tinggal di kawasan bandar dan selebihnya tinggal di pekan atau pinggir bandar.

Berbeza dengan bukan banduanita, walaupun tinggal di bandar, tetapi rasa ikatan dan rasa perlu mengambil berat terhadap penilaian masyarakat atas tindakan atau perlakuan mereka masih kuat ditanam didalam diri, walaupun keadaan kehidupan di bandar lebih bersikap individualistik masyarakatnya.

Jadi kesimpulannya, faktor penolakan individu terhadap masyarakat lebih mendorong mereka untuk melakukan penyelewengan di mana tekanan masyarakat dengan sikap lebih suka mengambil tahu tentang hal orang lain dan pada satu keadaan pula lebih individualistik merupakan faktor-faktor pendorong individu untuk meneruskan niat kepada tindakan bagi individu yang tidak merasai bahawa hidup bermasyarakat itu adalah amat penting.

Seterusnya, kita meneliti pula hubungan individu dengan kumpulan sosialnya secara lebih khusus iaitu hubungan individu dengan rakan-rakan sebaya atau peer groups. Pergaulan individu terutama bersama-sama rakan-ini adalah faktor yang sering dikatakan membawa individu tersebut ke arah penyelewengan akibat pengaruh-pengaruh negatif rakan-rakan tersebut.

Adalah satu kenyataan bahawa pengaruh rakan-rakan adalah penting kerana pengaruh perlakuan rakan-rakan inilah menentukan sama ada individu terlibat meneruskan niatnya atau membatalkannya di dalam melakukan penyelewengan. Niat tersebut yang telah sedia ada akibat dari tekanan-faktor-faktor lain seperti masalah keluarga, persekolahan serta masyarakat seluruhnya, akan diteruskan kepada tindakan dengan adanya sokongan-sokongan rakan sebaya yang senasib. Dengan adanya rakan sebaya ini lebih memudahkan individu terlibat meneruskan tindakan secara perkumpulan dan lebih berani pulak.

Walau bagaimanapun ini adalah satu keadaan dilihat dari satu segi. Pada keadaan lain pula, individu tidak mementingkan rakan-rakan di dalam melepaskan tekanan perasaan, sebaliknya lebih suka menyendiri akibat dari perasaan merendah diri atau 'inferiority complex'. Individu seperti ini

lebih gemar berbuat sesuatu secara bersembunyi kerana tidak mahu orang lain menilai perlakuannya atau merendah-rendahkan keupayaannya. Kebiasaannya individu ini tidak berjaya mencapai 'goals' secara 'legitimate means' tetapi cuba mencapainya secara 'illegitimate'. Individu ini masih mengambil berat terhadap perhatian masyarakat pada <sup>ap</sup> yang dilakukan serta pencapaiannya di dalam proses penyesuaian dirinya dengan kehendak-kehendak masyarakat.

Jadual 5.3. (c.i) Peer groups (L)

Nilai	Banduan %	Bkn. Banduan %
Penting	14 (70)	19 (95)
Tidak penting	6 (30)	1 (5)
JUMLAH:	20 (100)	20 (100)

Melihat pada jadual di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada banduan dan bukan banduan mempunyai pendapat bahawa rakan-rakan sebaya adalah penting di dalam pergaulan. Bagi mereka, rakan-rakan sebaya ini penting disebabkan keadaan mereka adalah sama dari segi umur, masalah-masalah yang dihadapi serta menjadi teman mencerahkan masalah dan teman perbincangan.

Walaubagaimanapun, masih terdapat di kalangan banduan tersebut yang menganggap bahawa rakan-rakan sebaya adalah tidak penting dengan memberi alasan bahawa mereka membawa banyak masalah akibat dari ketidaksaaman perlakuan dan juga pendapat.

Jadi di sini adalah sukar untuk ditentukan sama ada kurangnya atau kelonggaran ikatan di antara individu dengan rakan sebaya mendorong mereka untuk melakukan penyelewengan atau rakan-rakan sebaya inilah yang mendorong mereka untuk melakukan penyelewengan, di mana lebih memudahkan mereka untuk meneruskan tindakan menyeleweng secara berkumpulan.

Jadual 5.3. (c.ii) Peer Groups (W)

Nilai	Banduanita %	Bkn. B'nita %
Penting	11 (55)	17 (85)
Tidak Penting	9 (45)	3 (15)
JUMLAH:	20 (100)	20 (100)

Keadaan jadual yang diperlihatkan di atas adalah hampir sama dengan keadaan jadual di pihak lelaki. Sebahagian besar daripada banduanita dan bukan banduanita adalah mementingkan perhubungan dengan rakan-rakan sebaya. Ini bermakna mereka mempunyai ikatan yang erat dengan rakan-rakan sebaya yang dianggap penting sebagai teman perbincangan dan mencurahkan masalah kerana persamaan ciri-ciri pada diri masing-masing seperti umur, masalah yang dihadapi serta pendapat.

Walabagaimanapun di pihak banduanita terdapat jumlah yang agak besar juga yang menganggap rakan-rakan sebaya adalah tidak penting tetapi lebih suka menyendiri dan menyelesaikan masalah bersendirian. Bagi mereka rakan-rakan sebaya mereka mempunyai nasib yang lebih baik dengan memiliki keluarga yang hidup mewah dan dianggap sempurna. Banduanita-banduanita ini ramai terlibat dengan jenayah kecurian dan penipuan.

Jadi, di sini apa yang kita dapati bahawa terdapat 2 sebab yang memungkinkan individu terlibat di dalam penyelewengan. Pertamanya, individu yang mempunyai hubungan yang rapat dan menganggap rakan sebaya adalah penting tetapi rakan-rakan sebaya tersebut lebih memudahkan mereka untuk melakukan jenayah secara berkumpulan disebabkan permasalahan yang sama dan melakukan penyelewengan untuk melepaskan tekanan perasaan. Keduanya pula, ialah individu yang lebih suka memenculkan diri daripada rakan-rakan akibat memiliki sifat 'inferiority complex' dan mereka ini melakukan penyelewengan secara bersembunyi untuk mencapai 'goals' yang telah ditetapkan oleh masyarakat dicapai secara 'legitimate'.

## BAB 6


KESIMPULAN

Setelah dikaji dan diteliti melalui data-data yang didapati di dalam mencari penyelesaian bagi permasalahan-permasalahan, secara keseluruhannya, apa yang diperolehi adalah ketidakbenaran pada apa yang diserahkan oleh Hirschi di dalam Teori Kawalannya dan Merton di dalam Teori Anomienya pada setengah-setengah keadaan latarbelakang individu.

Hirschi menekankan persoalan longgarnya ikatan atau pertalian di antara individu-individu dengan element-element tertentu iaitu keluarga (ibu bapa), persekolahan, rakan-rakan sebaya dan perlakuan koventional, menyebabkan individu lebih mudah ter dorong ke arah penyelewengan. Merton pula menekankan persoalan individu menyeleweng disebabkan mereka gagal memperolehi 'goals' secara 'legitimate' sebagaimana yang telah ditetapkan oleh masyarakat.

Teori Kawalan Hirschi ini dapat di simpulkan seperti rajah di bawah :-

Hirschi's Model of Delinquency



(Conklin J.E.; 1981 : 231)

Merton yang lebih menekankan soal sosio-ekonomi dari segi kelas-kelas social di dalam masyarakat, menyatakan bahawa individu yang paling ramai terlibat di dalam penyelewengan adalah berasal daripada golongan kelas bawahan yang tidak berjaya memperolehi 'goals' secara 'legitimate means'. Dasar yang digunakan oleh Merton ini dapat diper mudahkan secara berikut :-

Social class -----> illegal behavior

(Conklin J.E.; 1981 : 197)

Jadi, dilihat dari data-data yang telah dikaji, dari segi latarbelakang keluarga individu, Hirschi menyatakan kurangnya perhatian dan kasih sayang ibu bapa disebabkan oleh pepecahan keluarga, pembahagian kasih sayang yang besar kerana jumlah bilangan adik beradik yang ramai serta tiada perhatian berat ibu bapa terhadap individu menyebabkan individu lebih ter dorong ke arah penyelewengan. Ini tidak dapat dikatakan keseluruhannya benar untuk mencari penyelesaian masalah tersebut bagi masyarakat di Malaysia.

Dari apa yang pengkaji perolehi, individu terlibat di dalam penyelewengan sebahagian besarnya adalah kerana pengaruh budaya kuning iaitu pengaruh social berat. Ini dilihat terutama di kalangan para penagih dadah, mereka menagih dadah adalah bukan disebabkan oleh tekanan masalah-masalah yang dihadapi tetapi adalah disebabkan oleh ingin mengikut edaran zaman atau 'trend' pada zaman 'hippies', mana pada awal tahun-tahun 1970an dadah jenis 'cocain' ini begitu banyak dan mudah diperolehi serta dijual dengan harga yang murah. Masyarakat kita pada waktu itu tidak mengetahui

malah tidak didedahkan pada bahaya penagih dadah. Para penagih tersebut bebas menghisap ganja atau heroin di mana-mana sahaja mereka berada, kerana pada waktu itu masyarakat umum tidak mengenali barang-barang tersebut dan ini termasuklah para anggota pengawal keselamatan iaitu polis.

Hanyalah pada penghujung tahun-tahun 1970an iaitu bermula pada tahun 1978 kerajaan mulai sedar akan bahaya dadah dan mula membuat kempen-kempen antidadah. Pada waktu inilah, bekalan dadah mulai berkurangan dan lebih mahal dengan adanya kawalan ketat oleh pihak berkuasa. Kesedaran timbul dipihak berkuasa setelah begitu banyak kes-kes jenayah kecurian berlaku di mana yang terlibat setelah penagih-penagih dadah tersebut yang tidak mempunyai punca ekonomi yang cukup bagi memperolehi dadah. Jadi, kebanyakannya daripada banduan-banduan yang ditemui terlibat di dalam kes jenayah adalah berkaitan dengan dadah.

Dilihat pula dari segi latarbelakang persekolahan, ramai daripada para banduan tersebut mencapai tahap persekolahan yang tinggi tetapi terlibat di dalam penyelewengan. Tidak seperti yang dikatakan oleh Hirschi bahawa kurangnya petalian individu dengan persekolahan memudahkan individu tersebut terdorong ke arah penyelewengan. Tetapi apa yang didapati para banduan tersebut bukan sahaja mencapai keperingkat yang tinggi di dalam persekolahan malah aktif berpersatuan dan juga sukan.

Begitu juga dari segi pergaulan dengan rakan-rakan sebaya serta ikatan kemasyarakatan di antara para banduan tersebut adalah kuat dan dirasai perlu, tetapi mereka masih terlibat di dalam penyelewengan.

Jadi, secara keseluruhannya, element-element yang ditetapkan oleh Hirschi di dalam mengurai permasalahan penyelewengan tersebut sebahagian besarnya tidak dapat mengurai sebab-sebab berlakunya penyelewengan bagi pihak para banduan. Para penyelewengan ini terlibat di dalam penyelewengan adalah kerana terlalu terpengaruh dengan budaya kuning serta kehidupan social barat yang begitu diangung-agungkan oleh masyarakat pada masa kini.

Walaubagaimana pun, dilihat dari segi faktor ekonomi, tidak dapat dinafikan bahawa teori anomie yang disarankan oleh Merton dapat mengurai permasalahan penyelewengan ini. Ramai daripada para banduan yang terlibat adalah terdiri daripada golongan kelas bawahan. Disebabkan oleh desakan ekonomi yang gagal dicapai di mana pencapaian individu di dalam memperolehi kekuasaan begitu diagung-agungkan oleh masyarakat kini yang lebih bersikap materialistik. Ini juga adalah dilihat dari pengaruh barat selepas berlakunya revolusi industri dan Perang Dunia

Individu yang terlibat di dalam jenayah ini, tidak berjaya memperolehi kekayaan dan kekuasaan melalui cara-cara yang telah ditetapkan dan diterima oleh masyarakatnya. Sebaliknya melakukan penyelewengan di dalam usaha memperolehi kekayaan dan kekuasaan tersebut. Sikap begini bukan sahaja terdapat pada golongan banduan malah dikalangan banduanita juga, di mana kebanyakan daripada kedua-dua pihak ini berasal daripada golongan kelas bawahan.

Namun begitu, dilihat pula pada latarbelakang keluarga, perhubungan dengan rakan-rakan sebaya, persekolahan dan ikatan kemasyarakatan di kalangan banduanita, didapati teori kawalan Hirschi ini dapat menghurai permasalahan penyelewengan yang dilakukan oleh para banduanita.

Dari segi latarbelakang family, di bandingkan dengan latarbelakang family bukan banduanita, ujudnya hubungan yang tidak erat di antara ibu bapa atau family dengan para banduanita. Di mana secara tidak langsung menyebabkan mereka lebih rapat dengan rakan-rakan yang senasib dan melakukan penyelewengan di dalam melepaskan tekanan perasaan atau lebih jelas lagi memberontak terhadap keadaan pepecahan keluarga secara penyelewengan.

Begitu juga, para banduanita ini tidak mencapai tahap yang tinggi di dalam persekolahan malah tidak aktif di dalam persatuan dan sukan, di mana ini mengujudkan hubungan yang tidak erat di antara individu tersebut dengan persekolahan, ditambah pula oleh sikap mereka yang suka memencilkan diri dan sikap 'inferiority complex' terhadap pencapaian tinggi di dalam pembahagian oleh rakan-rakan lain.

Pertalian mereka dengan masyarakat juga adalah tidak erat kerana tidak mahu masyarakat mengetahui persekolahan mereka di dalam keluarga akibat dari perasaan malu. Ada juga yang menganggap masyarakat sekeliling lebih banyak mencemuh dan menghina mereka serta tidak mahu memahami masalah mereka yang sebenar berkenaan dengan perpecahan

di dalam hubungan mesra bersama keluarga. Tekanan-tekanan ini menyebabkan mereka menolak nilai-nilai konventional serta norma-norma yang telah ditetapkan oleh masyarakat dan melakukan penyelewengan. Individu-individu ini pada hakikatnya tidak mempunyai 'self-confidential' di dalam mengawal perasaan dan tindakan.

Ini bermakna secara keseluruhannya faktor-faktor penyebab penyelewengan adalah berbeza jika dibandingkan di antara banduan dan banduanita. Apa yang didapati teori yang diserahkan oleh Hirschi hanya dapat menghuraikan permasalahan dipihak banduanita manakala dipihak banduan mereka ini lebih terpengaruh pada budaya barat disebabkan oleh tekanan ekonomi sebagaimana yang ditekankan oleh Merton. Faktor tekanan ekonomi ini juga menyebabkan berlakunya jenayah dan penyelewengan di kalangan wanita yang terdesak oleh keinginan untuk memperolehi kekayaan dan kuasa tetapi dapat dicapai melalui 'legitimate means' sebagaimana yang dikehendaki oleh masyarakat. Namun begitu apa yang dapat disimpulkan di sini ialah faktor yang paling penting mempengaruhi kedua-dua pihak untuk terlibat di dalam penyelewengan ialah pengaruh sosial barat iaitu budaya kuning yang begitu diagung-agungkan oleh seluruh masyarakat di zaman serba maju ini.

## BIBLIOGRAFI

### BAHAN RUJUKAN:

1. Box, Steven - "Deviance Reality & Society",  
Second Edition, Holt Rinehart and Winston Ltd.,  
1st Annes Road, Eastbourne, East Sussex.  
BN Jun, 1971, 1981
2. Clinard, Marshall B. - "Sociology of Deviant Behavior",  
Third Edition, Holt Rinehart and Winston, Inc.; 1968
3. Clinard, Marshall B; Meier Robert F. - "Sociology of Deviant Behavior",  
Sixth Edition, CBS College Publishing, Holt Rinehart  
and Winston.; 1985
4. Cloward, Richard A., dll. - "Theoretical Studies in Social  
Organisation of the Prison", Kraus Reprint Co.  
Millwood, New York.; 1975
5. Cohen, Stanley; Taylor, Laurie. - "Psychological Survival", Richard  
Kay (The Chencer Press) Ltd., Bungay Suffolk,  
Great Britain.; 1972
6. Conklin, John E. - "Criminology", Macmillan Publishing Co.,  
Inc.; New York.; 1981
7. Davis, Nannette J. - "Sociological Constructions of Deviance -  
Perspective & Issues in the Field", W.M.C. Brow  
Company Publishers Dubuque, Iowa.; 1977
8. Douglas, Jack D. - "Observation of Deviance", Random House,  
New York.; 1970
9. Downes, David; Rock, Paul. - "Understanding Deviance - A Guide to the  
Sociology of Crimes & Rule Breaking", Clarendon Press,  
Oxford University Press, New York.; 1982  
*labeled*
10. Elkin, Winifred A. - "The English Penal System", Great Britain,  
R & R Clark Ltd., Edinburgh.; 1957

11. Gibbons, Don C. - "The Criminological Enterprise Theories & Perspectives", Prentice Hall, Inc., Engelwood Cliffs, New Jersey 07632.; 1979
12. Gibbons, Don C; Jones, Joseph F. - "The Study of Deviance - Perspectives and Problems", Prentice Halls, Inc., Engelwood Cliff, New Jersy.; 1975
13. Gurr, Ted Robert - "Why Men Rebel", Princeton University Press, Princeton, New Jersey.; 1971
14. Hatton, C. Loing; Mc Bride Velente S, Rink Alice - "Suicide : Assessment & Intervention", Appleton Century Crofts.; 1977
15. Palmer, Stuart; Linsky, Arnold S. - "Rebellion and Retreat : Reading in the forms and Processes of Deviance", Charles E. Merill Publishing Company, A Bill & Howell Company, Columbus, Ohio.; 1972
16. Rinaldi,Fiori. - "Australian Prisons", F & M. Publishers, Canberra.; 1977
17. Roch, Paul; Mc Intosh, Mary - "Deviance and Social Control", Tavistock Publications Limited, II New Fetter Lane, London EC4.; 1974
18. Schafer, Stephen - "Introduction to Criminology", Reston Publishing Company, Inc. Reston, Virginia.; 1976
19. Selltiz, Claire dll - "Research Methods in Sociology Relations" Methuen & Co.Ltd., II New Fetter E.C.4.; 1959
20. Shoham, S. Giora - "Social Deviance", Gardner Press Inc., New York, Distributed by Halsted Press Division, John Wiley & Sons, Inc.; 1976

21. Sykes, Gresham M. - "The Society of Captives - A Study of Maximum Security Prison", Princeton Univ. Press, Princeton, New Jersy.; 1971
22. Thio, Alex - "Deviant Behavior", Houghton Mifflin Company, Boston.; 1983
23. Turner, Ralph H; Killian, Lewis M - "Collective Behavior", Second Edition, Prentice Hall Inc., Englewood Cliffs, New Jersy.; 1957
24. Zeitlin, Maurice - "Classes, Class Conflict and the State", Winthrop Publishers, Inc. Cambridge, Massachusetts.; 1980

LAIN-LAIN.

1. ASEAN Report Sixth Meeting ASEAN Drug Experts, Singapore 2 - 7th December 1981
2. Bengkel Penglibatan Anggota Perkhidmatan Awam dan Keluarga Dalam Pencegahan Dadah, Lapuran ; 26 - 27hb. April 1986, Institut Pengurusan Pendidikan Negara, Sri Layang, Genting Highland, Pahang Darulmakmur.
3. Peraturan-peraturan Penjara (1953), Undang-undang Penjara (1952), Ibu Pejabat Penjara, Malaysia, Taiping.; 1983